

Jabatan Antropologi dan Sosiologi
No. Kekas: 85 M
No Perolehan: T 1009
Tarikh: 3/86

PEMBANGUNAN LUAR BANDAR DAN KEDUDUKAN SOSIO-EKONOMI PETANI
SATU KAJIAN DI KAMPUNG JAWA ENDAU, ROMPIN, PAHANG

AHMAD ZAFIR BIN ABDUL SAMAD
NO. MATRIK: 42398

LATIHAN ILMIAH
BAGI MEMENUHI SEBAHAGIAN
DARIPADA SYARAT-SYARAT UNTUK
IJAZAH SARJANA MUDA SASTERA

JABATAN ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR

SESSI 1985/86

SINOPSIS

Penyelidikan ini adalah mengenai pembangunan luar bandar dan kedudukan sosio-ekonomi petani dengan tumpuan kajian di Kampong Jawa, Endau, Rompin, Pahang, Darul Makmur. Latihan ilmiah ini mengandungi enam bab, iaitu :-

Bab I : Bab pendahuluan dengan membincangkan pengenalan kepada masyarakat tani atau peasant. Seterusnya pengkaji menghuraikan tujuan kajian, termasuk hipotesis, bidang kajian, kepentingan kajian, kaedah kajian, pemilihan tempat dan kesulitan yang dihadapi.

Bab II : Membincangkan serba sedikit mengenai konsep dan pengertian pembangunan, berdasarkan pendapat beberapa orang pengkaji, definisi luar bandar dan penduduk luar bandar, konsep kemiskinan, pengukuran serta teori berkaitan dengan kemiskinan dan sosio-ekonomi. Seterusnya disentuh juga keadaan kemiskinan di Negeri Pahang.

Bab III : Perbincangan mengenai latarbelakang tempat kajian berdasarkan kajian yang dijalankan. Perbincangan termasuklah sejarah pembukaan, keadaan geografi, kemudahan asas yang disediakan dan juga corak kepimpinan kampong.

Bab IV : Bab ini menghuraikan keadaan petani di kampong ini dan kampong sekitar yang dikaji. Khusus dalam bab ini ialah

mengenai pekerjaan dan tanaman yang diusahaikan dan bagaimana tanaman itu dilakukan. Juga termasuk dalam bab ini adalah mengenai keluasan dan pendapatan yang diperolehi.

Bab V : Membincangkan masalah yang dihadapi oleh para petani dan menghuraikan bagaimana masalah itu mempengaruhi kehidupan dan pekerjaan sehari-hari. Penekanan masalah ialah di bidang sosial dan ekonomi. Juga didekahkan peranan agensi kerajaan dan apakah peranan yang dimainkan. Juga disentuh mengenai Dasar Pertanian Negara.

Bab VI : Ini adalah merupakan bab penutup. Pengkaji telah menyimpulkan rumusan dari hasil penyelidikan yang telah dijalankan. Di dalam bab ini pengkaji turut memberikan beberapa cadangan yang dirasakan sesuai untuk kawasan ini bagi memperbaiki kedudukan sosio-ekonomi petani dan kelamahan yang wujud.

AHMAD ZAFIR BIN ABDUL SAMAD

2064, KG. KETAPANG TENGAH,

26000 PEKAN,

PAHANG.

WQ 8510

WBF 4890.

KANDUNGAN	<u>HALAMAN</u>
Penghargaan	i
Sinopsis	ii
Kandungan	iv
Senarai Jadual	viii
Senarai Peta	xi
 BAB I : PENDAHULUAN	1 - 12
1.1. Pengenalan	1
1.2. Tujuan Kajian	2
1.3. Bidang Kajian	3
1.4. Kepentingan Kajian	4
1.5. Kaedah Kajian	5
a. Sampling	5
b. Pengumpulan Data	6
1. Soalselidik	7
2. Penyertaan dan Pemerhatian	8
3. Temuramah	8
4. Data-data Bertulis	9
1.6. Pemilihan Tempat Kajian	9
1.7. Kesulitan dan Cara Mengatasi	10
 BAB II : KONSEP, PENGERTIAN DAN TEORI	13 - 50
2.1. Pendahuluan	13
2.2. Konsep dan Pengertian Pembangunan ...	13
2.3. Definisi Luar Bandar dan Penduduk Luar Bandar	18
2.4. Konsep dan Pengukuran Kemiskinan	25
2.5. Definisi dan Teori Kemiskinan	29
2.6. Pembangunan Luar Bandar dan Kemiskinan Di Negeri Pahang	37
2.7. Kesimpulan	45

BAB III	:	LATAR BELAKANG KAWASAN KAJIAN	51 - 59
		3.1. Pendahuluan	52
		3.2. Sejarah Pembukaan Kampong	52
		3.3. Geografi	54
		3.4. Penduduk	56
		3.5. Pentaabiran dan Corak Kepimpinan	58
		3.6. Kemudahan Sosial	61
		3.6.1. Kemudahan Letrik	62
		3.6.2. Bekalan Air	63
		3.6.3. Pengangkutan	63
		3.6.4. Mendapatkan Barang Keperluan	65
		3.6.5. Kesihatan	66
		3.7. Pelajaran	66
		3.8. Kesimpulan	68
BAB IV	:	PETANI-PETANI DI KAMPONG JAWA	70 - 96
		4.1. Pendahuluan	70
		4.2. Petani Di Kampong Jawa	70
		4.2.1. Asal-Usul Keturunan	70
		4.2.2. Sikap dan Kepercayaan	72
		4.2.3. Pekerjaan	74
		4.3. Jenis Tanaman dan Cara Penyediaan	75
		4.4. Padi	75
		4.4.1. Menyediakan Sawah Padi	75
		4.4.2. Semaian	76
		4.4.3. Mengubah	77
		4.4.4. Menuai	78
		4.5. Koko	79
		4.5.1. Cara Penyediaan	79
		4.5.2. Pembajaan dan Penjagaan	80
		4.5.3. Memungut, Penapaian dan Mengering ..	82
		4.6. Keluasan Kawasan Tanaman	83
		4.7. Pemasaran	89
		4.7.1. Padi	89
		4.7.2. Koko	90
		4.8. Pendapatan dan Perbelanjaan	91
		4.9. Kesimpulan	95

BAB V : MASALAH DAN PENGLIBATAN AJENSI KERAJAAN	97 - 115
5.1. Pendahuluan	97
5.2. Masalah Yang Dihadapi	97
5.2.1. Hakmilik dan Keluasan Tanah	98
5.2.2. Kemudahan Sistem Pengairan	99
5.2.3. Tenaga Kerja	99
5.2.4. Penggunaan Teknologi	100
5.2.5. Masalah Kesuburan Tanah	101
5.2.6. Serangan Musuh Tanaman	101
5.2.7. Pemasaran	102
5.2.8. Kos Pengendalian	103
5.2.9. Kemudahan Kredit	103
5.2.10. Kemudahan Asas	104
5.3. Penglibatan Ajensi Kerajaan	105
5.3.1. Bahagian Pembangunan Masyarakat ...	106
5.3.2. Bank Pertanian	107
5.3.3. FAMA	111
5.4. Dasar Pertanian Negara	112
5.5. Kesimpulan	114
BAB VI : KESIMPULAN DAN CADANGAN	116 - 124
BIBLIOGRAFI	125 - 128
LAMPIRAN A	
LAMPIRAN B	
Dok. 17.1 - Analisis Persepsi Petani Pelancong ...	71
Dok. 17.2 - Data-Data Konsultasi Petani ...	79
Dok. 17.3 - Penerjemah (Borang Jawab) Petani ...	
Jawapan ...	74
Dok. 17.4 - Jawapan ke Soalan Petani ...	80
Dok. 17.5 - Kertas Jawapan Petani ...	81
Dok. 17.6 - Silang Jawapan Universiti ...	84
Dok. 17.7 - Silang Jawapan Konsultasi Petani ...	
Ketemu ...	84

SENARAI JADUAL

HALAMAN

Jadual II.1 - Semenanjung Malaysia, Kadar Kemiskinan Mengikut Kawasan Bandar Dan Luar Bandar 1980, 1983 dan 1985	40
Jadual II.2. - Taburan Peratus Pendapatan/Bulanan Isirumah Negeri Pahang	41
Jadual II.3 - Kadar Kemiskinan Mengikut Daerah	43
Jadual II.4 - Pendapatan Perkapita	44
Jadual II.5 - Klasifikasi Pekerjaan Ahli-Ahli Isirumah Mengikut Kumpulan Pekerjaan Utama (%)	44
Jadual II.6 - Taburan Peratusan Pendapatan Sebulan Isirumah Mengikut Kelas Pendapatan ...	45
 Jadual III.1 - Latar Belakang Umur Penduduk	56
Jadual III.2 - Bilangan Lelaki Dan Wanita	57
Jadual III.3 - Butir-Butir Pembangunan Kg.Jawa	61
Jadual III.4 - Pengunaan Bekalan Api	62
Jadual III.5 - Kenderaan Ke Bandar	64
Jadual III.6 - Tahap Persekolahan Anak Petani	66
Jadual III.7. - Tahap Pelajaran Ibumapa	68
 Jadual IV.1 - Asal-Usul Keturunan Ketua Keluarga ...	71
Jadual IV.2 - Cita-Cita Menukar Pekerjaan	72
Jadual IV.3 - Pekerjaan (Tetap/Sambilan) Sebagai Pesawah	74
Jadual IV.4 - Pembajaan Ke Atas Pokok Koko	80
Jadual IV.5 - Keluasan Penggunaan Tanah	83
Jadual IV.6 - Hitung Panjang Keluasan Sawah	84
Jadual IV. 7 - Hitung Panjang Keluasan Koko Dan Kelapa	84

Jadual IV.8 - Hasil Pendapatan Padi dan (Koko dan Kelapa) (Semusim/Setahun)	86
Jadual IV.9 - Kos Padi dan Koko dan Kelapa	87
Jadual IV.10 - Pendapatan dan Perbelanjaan (Makan dan Minum)	91
Jadual IV.11 - Simpanan Di Bank	92
Jadual IV.12 - Kadar Pinjaman Dan Pengunaan	93
Jadual IV.13 - Kiriman Wang Dari Anak	94



BAB I

PENDAHULUAN

1.1. Pengenalan

Ini adalah kajian yang cuba memaparkan kehidupan yang merupakan komuniti yang terdapat dalam masyarakat dinegara ini yang dapat digolongkan sebagai kaum tani atau komuniti peasant.¹

Senahagian besar daripada kaum tani ini tinggal di kawasan luar bandar dan merupakan masyarakat-bahagian dari masyarakat Melayu seluruhnya seperti mana yang dijelaskan oleh Kroeber, "Peasants constitute part-societies with part-culture"²

Kaum tani yang berada di kawasan luar bandar ini sering mendapat perhatian dari berbagai pihak dan sering dikaitkan dengan gejala kemiskinan. Nasib yang dialami oleh kaum tani ini sebenarnya telah lama dibicarakan terutama oleh pengkaji Barat. Andrew Turton pernah mengatakan bahawa kaum tani di sepanjang hidup mereka terpaksa berhadapan dengan tiga gejala iaitu kemiskinan, ketidaksamaan dan kedaifan. Ketiga-tiga gejala ini memperlihatkan istilah 'peasants' yang sering didengar dan dibaca dalam konteks sains kemasyarakatan di negara sedang membangun selalunya menumpukan perhatian terhadap ciri-ciri keperitan hidup yang sering melanda kaum tani dan nelayan.³

1.2. Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk melihat keadaan kemiskinan yang masih merupakan masalah yang sangat besar sehingga hari ini walaupun Malaysia telah 28 tahun Merdeka. Kemiskinan wujud bukan saja dalam masyarakat luar bandar atau pertanian bahkan juga dalam masyarakat bandar atau perindustrian. Walaupun ada rancangan untuk membasinya sejak Merdeka lagi dan sejak pelancaran Dasar Ekonomi Baru (DEB)⁴ pada tahun 1971 tetapi sehingga ini masalah kemiskinan belum lagi selesai dan mungkin akan terus bersama-sama kita untuk beberapa lama lagi.

Kajian kes ini juga bertujuan untuk melihat keadaan yang dialami oleh kaum tani dari sudut socio-ekonomi dan selanjutnya cuba menghuraikan pembangunan yang telah dan akan dilaksanakan dan dikaitkan dengan kedudukan socio-ekonomi petani. Kajian ini juga cuba mendedahkan apakah benar semua komuniti petani boleh digolongkan sebagai golongan miskin atau adakah benar anggapan bahawa peranan mereka semakin kecil dalam pembangunan sesebuah negara. Rujukan khas untuk kajian ini ialah terhadap petani di Kampong Jawa, di daerah Endau, Rompin, Pahang.

Di dalam usaha pengkajian, penganalisaan dan penulisan latihan ilmiah ini pengkaji menggunakan garis panduan dan proposisi analisa yang khusus iaitu :-

- i. Bahawa usaha-usaha pertanian yang dijalankan oleh petani di kawasan ini hanyalah untuk menampung keperluan sendiri sahaja.
- ii. Bahawa petani di kawasan ini tidak hanya bergantung kepada satu jenis tanaman sahaja.
- iii. Bahawa sikap yang ada dikalangan petani di kawasan ini membantu mereka untuk memperbaiki kedudukan sosio-ekonomi mereka dan mereka mempunyai sistem organisasi sosial yang tersendiri dalam mengatasi masalah hidup yang mereka hadapi hari-hari.
- iv. Bahawa pembangunan luar bandar yang telah dilaksanakan turut mempengaruhi kedudukan sosio-ekonomi petani di kawasan ini.

1.3. Bidang Kajian

Adalah penting juga dilihat perubahan sosio-ekonomi yang telah dialami oleh petani khususnya pesawah dan sejauhmana pembangunan yang dirancangkan untuk mereka terutama di dalam usaha-usaha membasmi kemiskinan dan meninggikan taraf hidup seperti mana yang termaktub di dalam Dasar Ekonomi Baru.

Bidang-bidang yang akan menjadi kajian adalah aspek mengenai seisi rumah, pendapatan, pekerjaan, pelajaran, pendapatan dan persepsi, perbelanjaan, simpanan, pinjaman dan hutang, hasil dan kos yang diperolehi dan dibelanjakan (yang berkaitan dengan pertanian), hak milik tanah dan pemilikan harta-harta lain. Juga akan

dilihat ialah jenis pertanian yang diusahakan, bagaimana pertanian ini dijalankan dan kerja-kerja sambilan yang dilakukan.

Tidak ketinggalan juga akan dilihat masalah yang dihadapi oleh petani dan cara mereka mengatasinya dan disamping itu akan ditinjau sikap petani terhadap keadaan yang mereka alami selama ini.

Dalam usaha mendapatkan maklumat yang diperlukan ini hanya 50 keluarga dipilih sebagai sample. Pemilihan dibuat secara rambang. Pengkaji akan melihat semua aspek sosial dan ekonomi yang terdapat di kalangan 50 keluarga ini.

1.4. Kepentingan Kajian

Kajian ini mempunyai beberapa kepentingan di antaranya :-

1. Kajian ini merupakan lanjutan dari berbagai masalah sosio-ekonomi yang dihadapi oleh kaum tani yang hidup di luar bandar.
2. Bagi mengetahui dengan lebih dekat lagi keadaan yang dihadapi oleh petani dan cuba mengenal pasti masalah tersebut dan mengemukakan cadangan untuk cuba mengatasi masalah tersebut.
3. Sebagai bahan rujukan dan panduan bagi kerajaan Negeri Pahang khasnya dan pentadbiran daerah amnya dalam

melaksanakan projek pembangunan luar bandar untuk kepentingan petani di kawasan ini.

4. Ia merupakan peringkat pertama daripada perlaksanaan projek " Kajian Kemiskinan Di Malaysia " di bawah Institut Pengajian Tinggi, Universiti Malaya dengan kerjasama Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya.
5. Kajian ini juga penting untuk melihat samada pembangunan memberi manfaat kepada penduduk kampong atau sebaliknya dan bagaimana penyertaan penduduk kampong terhadap pembangunan yang telah dan akan dilaksanakan.

1.5. Kaedah Kajian

a. Sampling

Dalam kajian ini pengkaji memerlukan seramai 50 orang responden sebagai sample dalam kajian. Oleh kerana pengkaji mendapati jumlah keluarga yang terdapat dalam kawasan kajian ialah seramai 217 keluarga maka pengkaji telah menggunakan 'systematic sampling' bagi tujuan untuk mendapatkan 50 keluarga bagi kajian ini iaitu dengan cara membahagikan jumlah semua keluarga dengan 50. Ini bermakna pengkaji akan memilih sample yang bermula dengan nombor 4, 8 kemudian 12 dan seterusnya dari senarai listing yang dibuat sehingga mendapat 50 sample yang dikehendaki.

b. Pengumpulan Data

Pengumpulan data dibuat dalam masa sebulan semasa cuti penggal ketiga sessi 1984/85 yang lalu. Pengkaji telah tinggal di kampong di mana kajian dilakukan dan telah mendapat keluarga angkat di sana.

Dalam usaha pengumpulan data ini pengkaji menggunakan beberapa teknik untuk mendapatkan maklumat iaitu :-

1. Soalselidik (questionnaire)
2. Penyertaan dan pemerhatian (participant observation)
3. Temuramah (interview)
4. Data-data bertulis (secondary data)

Sebelum pengkaji menggunakan teknik soalselidik, pengkaji terlebih dahulu membuat tinjauan umum yang bertujuan untuk mendapatkan gambaran umum tentang kampong yang akan menjadi latarbelakang kajian ini, misalannya keadaan sosio-ekonomi atau perumahan secara am, kemudahan yang ada dan sebagainya. Setelah mendapat gambaran umum, pengkaji seterusnya menjalankan suatu banchi 'listing' di mana borang listing mengandungi 8 angkubah mengenai ketua keluarga iaitu nama ketua keluarga, alamat rumah, bangsa, jantina, umur, saiz keluarga, pekerjaan dan jumlah tahun menetap di kampong itu. Tiap rumah atau keluarga yang dikenal pasti mesti disisikan dalam satu ruangan pada borang listing, kecuali rumah itu kosong.

Setelah melakukan banci listing barulah pengkaji mengenal pasti 50 responden yang diperlukan iaitu dengan menggunakan 'systematic sampling' seperti yang telah diterangkan sebelum ini. Apabila mendapat 50 responden barulah pengkaji menggunakan kaedah soalselidik (questionnaire). Borang soalselidik mempunyai satu set soalan di mana soalan-soalan ini dibahagikan kepada dua jenis iaitu soalan tertutup (closed) dan soalan terbuka (open). Soalan jenis terbuka lebih banyak digunakan dan sedikit sahaja soalan tertutup. Penyelidikan dengan cara soalselidik itu dilakukan terhadap ketua keluarga dan isterinya. Isteri mereka juga perlu dikemukakan soalan kerana ada soalan-soalan yang tidak dapat dijawab oleh ketua keluarga misalnya mengenai perbelanjaan dapur pada setiap bulan. Soalan yang ditanya merangkumi berbagai aspek (rujuk soalselidik lampiran). Soalan yang ditanya terpaksa disesuaikan dengan bahasa daerah biasa digunakan hari-hari supaya soalan itu tidak mengelirukan sehingga menimbulkan jawapan yang berlainan. Disebabkan terdapat soalan berbentuk terbuka maka pengkaji terpaksa berhati-hati mencatitkan jawapan yang diberikan dan pengkaji terpaksa beberapa kali menyampuk supaya responden tidak meleret-leret. Bagi tiap rumah tangga yang dilawati perkara lain yang tidak terdapat dalam borang soalselidik tetapi penting dan berguna untuk kajian juga dicatatkan pada 'note book' pengkaji contohnya cara hidup dan pergaulan.

2. Penyertaan dan Pemerhatian

Kaedah ini juga digunakan oleh pengkaji.

Pengkaji telah tinggal di kawasan kajian ini selama sebulan iaitu sejak awal bulan April dan berakhir pada bulan Mei 1985. Kaedah ini sukar sedikit dilakukan kerana pengkaji bukan berasal dari kawasan ini. Walau bagaimanapun pengkaji dapat mengatasinya. Pada akhir bulan Mei dan awal bulan Julai pengkaji telah membuat dua kali lawatan lagi untuk menambah maklumat yang belum lengkap. Perkara yang berkaitan dengan bidang kajian telah dicatatkan hasil dari apa yang diperhatikan dan dialami sendiri oleh pengkaji. Kaedah ini berguna untuk menambah maklumat yang tidak didapati dalam borang soalselidik.

3. Temuramah (interview)

Kaedah ini juga banyak sekali memberi maklumat bagi kajian ini. Temuramah dilakukan adalah secara tidak formal, iaitu secara perbualan, perbincangan dan keterangan-keterangan tertentu. Mereka yang telah ditemuramah adalah terdiri dari penghulu, ketua kampong, imam, pegawai Lembaga Pertubuhan Peladang, pegawai Bank Pertanian, Penolong Pegawai Daerah dan beberapa orang tua dalam kampong yang dikaji. Aspek yang dititikberatkan dalam temuramah ialah seperti pentadbiran, bantuan, pembangunan kampong, pinjaman dan beberapa perkara lagi.

4. Data-Data Bertulis (Secondary Data)

Kebanyakan data bertulis diperolehi daripada Pejabat Daerah, Lembaga Pemasaran Pertanian Negara (FAMA), Bank Pertanian, Balai Polis, Klinik dan sekolah. Data-data juga diperolehi melalui pembacaan buku-buku yang berkaitan, jurnal, tesis, artikel-artikel di akhbar-akhbar dan majalah-majalah dan bahan-bahan yang lain yang berkaitan.

1.6. Pemilihan Tempat Kajian

Tidak seperti kajian-kajian ilmiah sebelum ini di mana tempat kajian ditentukan sendiri oleh pengkaji tetapi kajian ilmiah kali ini ditentukan oleh pihak Institut Pengajian Tinggi (IPT) dengan kerjasama Jabatan Antropologi dan Sosiologi (JAS) Universiti Malaya. Kriteria kawasan yang dipilih ini kerana kawasan ini merupakan kawasan pertanian di mana tanaman utama yang didapati ialah padi. Oleh kerana penentuan kawasan kajian bukan oleh pengkaji sendiri maka pengkaji tidak mempunyai pilihan lain. Maka hal ini merupakan satu daripada beberapa kelemahan faktor maka ia adalah perihal yang tidak dapat dielakkan oleh pengkaji.

1.7. Kesulitan Kajian dan Cara Mengatasi

Di dalam melaksanakan kajian, pengkaji menghadapi beberapa kesulitan. Antara kesulitan yang utama adalah mengenai ketepatan maklumat yang diterima. Responden biasanya terlalu segan atau enggan untuk memberitahu misalnya pendapatan sebenar mereka atau simpanan mereka juga mengenai barang-barang kemas yang mereka ada. Keengganan atau rasa segan ini adalah memang sifat penduduk kampong kerana tidak mahu atau tidak suka membesar-besarkan apa yang mereka ada atau dapati, takut dianggap menunjuk-nunjuk. Kadangkala mereka juga tidak cuba memberikan maklumat yang tepat mengenai soal-soal peribadi dan juga sukar menghitung jumlah hasil padi semusim. Walau bagaimanapun setelah dijelaskan kedudukan yang sebenarnya, ramai yang dapat memberikan kerjasama sepenuhnya.

Masalah juga timbul disebabkan pengkaji adalah orang luar. Dengan kata lain pengkaji bukan anak jati mukim ini, oleh itu interaksi dengan penduduk adalah sukar pada peringkat awal. Tetapi dengan bantuan ketua kampong dan keluarganya pengkaji dapat menyelesaiannya . Juga disebabkan pengkaji adalah sebangsa dan seagama dengan semua responden maka kerjasama yang diberikan adalah memuaskan.

Pengkaji juga menghadapi kesulitan untuk sampai kerumah-rumah responden. Ini kerana rumah responden terletak jauh antara satu sama lain, tambahan pula adalah sukar untuk sampai kerana terpaksa terlebih dahulu mengharungi paya sawah. Keadaan

menjadi lebih sukar apabila hujan turun kerana tanah menjadi lecak.

Setengah responden tidak memahami soalan-soalan yang dikemukakan kepada mereka. Antara soalan yang kurang difahami terutama mengenai siapakah orang yang paling berpengaruh dan dihormati juga mengenai perkara-perkara yang boleh meninggikan nama seseorang di kampong. Bagi memudahkan pemahaman mereka pengkaji terpaksa menggunakan bahasa tempatan atau bahasa harian yang dignakan oleh mereka.

Timbul kesulitan untuk menemubual responden disebabkan responden bekerja sendiri dan tidak tentu masa. Pesawah biasanya turun ke sawah pagi-pagi lagi dan akan kembali ke rumah pada waktu tengahari, dan turun semula selepas menuaikan sembahyang zohor. Bagi mereka yang melakukan kerja-kerja kampong seperti menebas, berkebun dan sebagainya kadang-kadang keluar awal dan berada di rumah di sebelah petang. Untuk mengatasi kesulitan dengan pesawah padi, pengkaji terpaksa pergi ke sawah itu sendiri dan menemubual di sawah tetapi responden kadang-kadang membawa pengkaji kerumahnya kerana lebih selesa dan kerana rumah responden itu berdekatan dengan sawah dan bagi responden lain pengkaji akan pergi disebelah petang atau diwaktu tengahari.

Responden kadang-kadang menjawab sesuatu soalan itu menyimpang daripada apa yang dikehendaki oleh soalan. Setengah soalan itu dijawab terlalu panjang. Adakalanya responden menceritakan pengalaman mereka di masa lalu. Oleh itu terpaksa pengkaji menggunakan kebijaksanaan sendiri menangkap jawapan yang diberikan atau mencelah.

Nota Rujukan

1. Istilah 'peasants' sering digunakan oleh pengkaji Barat merujuk kepada komuniti petani dan nelayan.
2. Kroeber, A.L. Anthropology, New York, Harcourt, Brace and Co. 1948. Hal. 248
3. Katni Kamsono Kibat (Dr). Utusan Malaysia, Selasa, 30 Julai 1985. Hal. 7
4. DEB telah digubal untuk mencapai matlamat ketahanan nasional, perpaduan dan keselamatan negara dan keadilan sosial. Matlamat ini akan dicapai melalui dua objektif iaitu penghapusan kemiskinan di kalangan semua kaum dan penyusunan semula masyarakat.

BAB II

KONSEP, PENGERTIAN DAN TEORI

2.1. Pendahuluan

Walaupun pada amnya sesebuah negara itu sedang mengalami pembangunan tetapi masalah yang menghalang dan melambatkannya tetap wujud. Satu daripadanya ialah kemiskinan yang berlaku bukan sahaja di luar bandar tetapi juga di bandar. Keadaan ini berlaku juga kepada Malaysia. Justeru kerana itu semenjak Malaysia mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, kerajaan telah merancang dan melaksanakan beberapa siri Rancangan Lima Tahunnya untuk mengatasi berbagai masalah sosio-ekonomi dan politik untuk mencapai beberapa target objektif dan matlamat pembangunan negara.

Bab ini akan dibincarakan konsep dan pengertian pembangunan, pengertian luar bandar dan penduduknya. Selain daripada itu dikemukakan juga konsep, definisi dan teori kemiskinan secara am. Penulisan ini akan juga menyentuh secara khusus di Negeri Pahang Darulmakmur.

2.2. Konsep dan Pengertian Pembangunan

Pengertian pembangunan pada amnya adalah berlandaskan kepada konsep pembangunan kebendaan yang diasaskan oleh pemikiran Barat. Ini dapat diperhatikan apabila bercakap mengenai pembangunan, ramai

diantara kita sekali gus terbayang dimata tapak perusahaan yang penuh dengan kilang mengeluarkan asap berkepul-kepul menutup angkasa dan bangunan lain yang mencakar langit.¹ Keadaan ini disebabkan ekoran kepada pengertian pembangunan oleh negara Barat bahawa negara yang ingin maju dan membangun mestilah mengikut jejak mereka dengan mengutamakan perindustrian dan kemajuan teknologi.

Setengahnya menekankan konsep pembangunan kepada pembangunan atau kemajuan ekonomi. Kemajuan ekonomi yang dimaksudkan disini adalah proses modenisasi yang meliputi segala aspek perubahan dan kemajuan dari segi ekonomi, politik, sosial, budaya, psikologi, pentadbiran, teknologi dan sebagainya. Landasan kepada konsep pembangunan ini adalah meliputi ciri-ciri keadilan sosial dan kebaikan masyarakat hasil daripada proses modenisasi dan dengan anggapan perubahan itu adalah daripada keadaan yang mundur kepada keadaan yang lebih maju dan jika sebaliknya ia tidak boleh dianggap sebagai proses pembangunan.²

Syed Husin Ali menekankan pengertian pembangunan kepada pembangunan dalam semua lapangan tidak hanya pengukuran pembangunan dari aspek ekonomi semata-mata.³ Pembangunan seharusnya mementingkan soal asas dan tidak hanya soal lambang sahaja. Walau bagaimanapun beliau menyatakan pembangunan ekonomi adalah yang utama kerana pembangunan ekonomi boleh menjadi asas yang kukuh bagi mendatangkan kebahagian dalam bidang yang lain seperti pelajaran, kemasyarakatan, bahkan kebudayaan.⁴

yang dibentangkan dalam Persidangan Dunia yang ke11 di New Delhi, India pada tahun 1969 telah membuat pengertian pembangunan dengan mengaitkannya dengan konsep pertumbuhan. Beliau mengakui bahawa konsep pembangunan selalu disamakan dengan pertumbuhan ekonomi. Beliau seterusnya menekankan kepada tiga istilah yang pada realitinya berbeza tetapi sebenarnya adalah saling berkaitan antara satu sama lain. Tiga istilah tersebut ialah pertumbuhan, perubahan sozial dan kemajuan di mana ketiga-tiga istilah ini memperlihatkan pertumbuhan ekonomi sebagai proses permulaan, diikuti dengan pembangunan dan akhirnya barulah pembangunan menjadi kenyataan.⁵

Kenyataan D.Seers ini menunjukkan bahawa pembangunan itu merupakan satu proses yang dinamis dan sentiasa bergerak. Pergerakan itu mestilah pergerakan kepada perubahan daripada sesuatu keadaan iaitu daripada keadaan yang tidak baik (mundur) kepada keadaan yang lebih baik (maju) seperti yang dinyatakan oleh Elyas Omar (Dr.). Seers mengakui bahawa pembangunan bererti kemampuan masyarakat dan genara mencapai objektifnya dan pembangunan itu dikatakan berlaku apabila geraf ketiga-tiga penunjuk sosial dan politik iaitu kemiskinan, pengangguran dan ketidaksamaan berkurangan dalam jangkamasa yang panjang. Walau bagaimanapun Seers menegaskan bagi setengah jenis pertumbuhan ekonomi, selain daripada berjaya menaikkan pendapatan perkapita boleh juga mengakibatkan kemiskinan, pengangguran dan ketidaksamaan yang bertambah buruk dalam masyarakat.⁶

G.M.Meier pula dalam usaha memberi definisi mengenai pembangunan telah membezakan diantara pembangunan ekonomi dengan pembangunan seluruh masyarakat. Beliau menyatakan pembangunan ekonomi hanyalah sebahagian daripada pembangunan am atau pembangunan kebangsaan. Bagi Meier, pembangunan kebangsaan merangkumi kesemua bidang sosial, ekonomi dan politik dalam usaha membentuk identiti kebangsaan.⁷

Rostow dan rakan-rakannya memberikan pengertian pembangunan dengan menyatakan pembangunan itu dimaksudkan kepada pembangunan ekonomi yang mengutamakan masalah pelaburan dan fizikal, industri, pembahagian kewangan dan kekayaan dan pertambahan pengeluaran negara. Manakala pendapat ahli kaji perangai dan tabiat manusia, J.D.Montgomery menyatakan bahawa pembangunan adalah satu jalinan yang erat yang tidak boleh dipisahkan diantara faktor-faktor politik, ekonomi, sosial, kebudayaan dan agama.⁸

Pengertian yang diberikan oleh Montgomery mempunyai persamaan sedikit sebanyak dengan pengertian yang diberikan oleh Gunnar Myrdal dalam bukunya ' Asian Drama ' di mana beliau menakrifkan pembangunan sebagai pergerakan keseluruhan sistem sosial kearah peningkatan di mana semua perkara yang berkaitan dengan kita dikatakan pembangunan.⁹ Walau bagaimanapun pengertian yang diberikan oleh Myrdal ini adalah terlalu umum dan tidak ada garis panduan yang khusus.

Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pula telah memberikan satu garis panduan bahawa pembangunan bukanlah berdasarkan

kepada memenuhi kehendak-kehendak kebendaan manusia semata-mata tetapi apa yang perlu ialah memperbaiki keadaan hidup sosial manusia seluruhnya dan bukan sahaja melibatkan pertumbuhan ekonomi tetapi juga pertumbuhan serta perubahan sosial, kebudayaan, politik dan ekonomi.¹⁰

Namun demikian pengertian pembangunan seperti ini merupakan satu pengertian yang sempit seolah-oleh menjadikan pembangunan ala-Barat sebagai satu agama yang tak dapat tidak mesti dianut jika sesuatu negara atau masyarakat itu berkehendakkan kemajuan dan pembangunan.

Tetapi akhir-akhir ini pengertian mengenai pembangunan telah berubah. Telah timbul satu aliran dan pengertian di mana pembangunan diertikan sebagai penggunaan segala unsur kemampuan dan kebolehan (rohani dan jasmani) individu dan sesuatu masyarakat bagi memperbaiki cara hidup yang seimbang. Pengertian seperti ini berlaku kerana apa yang berlaku di negara-negara yang maju telah menimbulkan gejala yang tidak sihat di dalam masyarakat. Pengertian yang baru ini sebenarnya memberi tenaga pembangunan kepada masyarakat dan individu itu sendiri tidak kira di mana berada dan apa tugas yang dilakukan.

Menurut Imam Ghazali yang disebut oleh Najib,¹¹ pembangunan dalam Islam terbahagi kepada tiga pecahan iaitu :

- (i) Benda-benda (material) yang akan diperolehi dan dilaksanakan.

(ii) Tiap-tiap manusia harus mendapat bahagian dan benda-benda (material)

(iii) Tiap-tiap manusia mempunyai peranan untuk membangunkan dan memajukan dunia.

Dalam Islam pembangunan bukan peningkatan seluruh sistem masyarakat tetapi merangkumi juga dibidang kerohanian. Ini dijelaskan lagi oleh Engku M.Anuar yang mengatakan pembangunan ialah tenaga rohani dan jasmani untuk memperbaiki keadaan hidup oleh masyarakat atau individu supaya iaanya berguna kepada dirinya sendiri, keluarganya, masyarakatnya dan negaranya supaya memberi jaminan kepadanya serta generasinya di dunia dan seterusnya masyarakat itu dapat menggunakan jasmaninya, tubuh badan dan apa-apa sumber ekonomi dan lain-lain pemberian tuhan bagi pembangunan.¹²

Pengertian ini sebenarnya merupakan pengertian yang dibawa oleh Islam di mana Islam telah memilih jalan tengah; iaitu mengseimbangkan diantara kebendaan dan kerohanian, dunia dan akhirat. Pengertian menurut Islam ini lebih menepati kerana merangkumi segala aspek dunia dan akhirat.

2.4. Definisi Luar Bandar dan Penduduk Luar Bandar

Kajian-kajian yang dibuat mengenai luar bandar dan penduduknya termasuk di dalam disiplin sosiologi luar bandar. Sosiologi luar bandar adalah satu bidang kajian yang memeriksa kehidupan masyarakat

luar bandar; meneliti berbagai-bagai kecenderungan untuk mengetahui masalah-masalah khusus di dalam kawasan berkenaan dan menyarankan cara mengatasi masalah tersebut, supaya kehidupan luar bandar menjadi the ideal social life,¹³ serta meningkatkan darjah kehidupan di dalam masyarakat tersebut.

Luar bandar merupakan kawasan yang tersendiri dan berbeda dengan bandar. Perbedaan ini dijelmakan melalui fizikal (bangunan), cara hidup, sikap, nilai, pekerjaan dan pertuturan. Luar bandar juga merupakan satu dunia yang penting di dalam perkembangan masyarakat. Kepentingannya kerana majoriti manusia kini adalah penghuni luar bandar dan 3/4 dari jumlah penduduk dimukabumi ini adalah penghuni luar bandar.¹⁴ Dari segi kegiatannya kawasan luar bandar lebih banyak tertumpu kepada kegiatan pertanian.

Dalam konteks Malaysia, kawasan luar bandar mempunyai beberapa ciri khususnya :-

- (a) Kawasan yang di diamai oleh 90% orang Melayu yang rata-rata menjadi petani.
- (b) Taraf kemiskinan yang tinggi yang disebabkan oleh pengeluaran yang rendah, dan pemilikan harta yang kurang.
- (c) Jumlah pengangguran belia yang tinggi.
- (d) Kemudahan asas yang kurang sempurna berbanding dengan bandar, dan sistem penempatan tidak teratur atau tersusun.

- (e) Kawasan luar bandar juga menjadi sumpuan pembangunan ladang-ladang besar pemodal asing dan tempatan.¹⁵

Walaupun pada keseluruhannya penduduk luar bandar itu terlibat dengan sektor pertanian tetapi pendapatan sebenar dari sumber pertanian sendiri adalah kurang. Ini disebabkan oleh beberapa faktor seperti :-

- (a) Daya pengeluaran yang rendah
- (b) Pemilikan tanah pertanian yang kecil dan terasing antara satu bidang dengan bidang tanah yang lain
- (c) Penggunaan teknologi pengeluaran yang rendah dan taraf pengurusan yang tidak rapi
- (d) Kekurangan gunatenaga buruh pertanian.

Apabila membincangkan luar bandar kita tidak boleh lari dari turut membincangkan juga penduduk yang mendiami kawasan luar bandar. Beberapa pengkaji telah cuba untuk mendefinisikan penduduk luar bandar. Menurut U.A.Aziz, penduduk luar bandar adalah penduduk yang tinggal di luar bandar atau kawasan yang telah diwartakan sebagai sempadan kawasan bandar dan sebagainya. Walau bagaimanapun ada antara mereka yang ekonominya dan kriteria sosial mereka sama dengan penduduk yang tinggal di bandar dan bekerja di kilang atau pusat perdagangan selain daripada petani dan nelayan.¹⁶

Bagi Nowell LeRoy Sime, mereka yang mengkaji kehidupan luar bandar, 'akan melihat petani yang bekerja untuk saradiri dan terasing daripada kehidupan bandar, Mereka hanya menggunakan punca

yang terdapat disekitar mereka dan meneruskan kehidupan mereka yang berbeza daripada kehidupan di bandar.¹⁷

Penjelasan ini memperlihatkan penekanan unsur independent atau keterasingan antara penduduk bandar dengan penduduk luar bandar. Penjelasan begini tidak dapat diterima sepenuhnya kerana bandar dan luar bandar mempunyai hubungan interdependence yang kuat kerana bandar yang lebih banyak sektor formal memerlukan landasan sektor informal.¹⁸ yang banyak terdapat di luar bandar. Penduduk luar bandar juga adalah merupakan part-society dan part-culture seperti yang dinyatakan oleh Kroeber.¹⁹

U.Abdul Aziz seterusnya melihat dari sudut ekonomi apabila cuba memperkatakan tentang penduduk luar bandar. Beliau membahagikan penduduk luar bandar di Malaysia kepada tiga kumpulan :-

(i) Penduduk yang tidak menggunakan wang langsung sebagai alat pertukaran atau mengamalkan barter system iaitu, menukar barang atau perkhidmatan dengan barang atau perkhidmatan yang lain. Sebahagian daripada mereka adalah petani yang menjalankan kegiatan ekonomi berbentuk saradiri.

(ii) Penduduk yang menggunakan wang sebagai alat pertukaran yang penting. Mereka bukan sahaja menggunakan wang dengan jumlah yang banyak dan dengan kekerapan yang tinggi, tetapi mereka juga menggunakan wang dalam bentuk yang sophisticated seperti cek, bank deraf dan pertukaran wang asing (foreign exchange).

(iii) Terletak diantara kedua-dua kumpulan di atas ialah mereka yang menggunakan wang dalam bentuk tunai (cash). Mereka

yang terlibat adalah kecil, dan kekerapan menggunakan matawang syiling (coin) lebih banyak daripada matawang kertas. Lain-lain bentuk wang tidak digunakan.^{19*}

Kumpulan ketiga inilah yang lebih mendekati kepada keadaan sebenar penduduk luar bandar di Malaysia yang menjadi tumpuan di dalam kajian ini. Walau bagaimanapun penduduk luar bandar tidak termasuk pekerja perladangan, perlombongan dan pekerja di jabatan kerajaan yang tinggal di kawasan luar bandar. Ini bermakna bahawa penduduk luar bandar adalah mereka yang terdiri daripada petani, nelayan dan mereka yang menjalankan kegiatan lain seperti bermiaga kecil-kecilan, peminjam wang, tuan tanah dan lain-lain.²⁰

Syed Husin Ali pula mengatakan masyarakat luar bandar itu bukannya sejenis (homogeneous) akan tetapi beranika jenis (heterogeneous). Terdapat di dalamnya bermacam kepelbagaian atau perbezaan, diantaranya:-

- (a) Kawasan berlainan,
- (b) Aktibiti sosio-ekonomi berlainan,
- (c) Peringkat perkembangan berlainan dan
- (d) Golongan sosio-ekonomi atau kelas berlainan.

Terdapat keadaan berhubung-kait atau bertindih diantara keempat-empat ini. Misalnya, banyak kawasan luar bandar di Kedah atau Kelantan yang bertumpu kepada pertanian padi, belum luas menerima unsur pembangunan, dan mempunyai ramai golongan penyewa atau pengera yang ketiadaan atau kekurangan tanah. Pada umumnya taraf hidup mereka lebih rendah dan kemiskinan mereka lebih teruk daripada umpannya, setengah

kawasan luar bandar di Selangor atau Johor yang bertumpu kepada getah, lebih berpeluang mendapat pembangunan dan mempunyai lebih ramai golongan yang memiliki tanah sendiri.

Bagi Sorokin dan Zimmerman, mengatakan penduduk luar bandar lebih berbentuk seragam dari segi socio-physical jika dibandingkan dengan penduduk bandar.²² Saiz komuniti yang kecil menyebabkan ujudnya persamaan kepentingan di kalangan anggota di dalam kelompok tersebut dan dari segi socio-physical juga melalui pekerjaan, banyak membuat perhubungan yang berbentuk persemukaan. Unsur keseragaman atau homogeneity di luar bandar ini menjadikan penduduk luar bandar tidak memperlihat perbedaan sosial yang jelas.

Kenyataan mengenai penduduk luar bandar seperti yang diberikan oleh Syed Husin Ali itu ada kebenarannya sekiranya kita melihat penduduk luar bandar berdasarkan perbedaan tempat atau negeri tetapi sekiranya kita melihat penduduk luar bandar berdasarkan satu tempat sahaja kenyataan Sorokin dan Zimmerman adalah memberi makna yang lebih tepat. Apa yang diberikan oleh Sorokin dan Zimmerman ini juga boleh diaplikasikan di kampong yang menjadi tumpuan pengkaji.

Seterusnya Kurlesky, dalam melihat ciri-ciri penduduk luar bandar membahagikan kepada 3 aspek seperti berikut :-

- (i) Aspek ekologikal @ persekitaran
- (ii) Aspek pekerjaan
- (iii) Aspek sosio-budaya ²³

Aspek ekologikal merujuk kepada taburan penduduk yang mendiami semua tempat. Luar bandar mempunyai penduduk yang kecil bilangan-nya atau kepadatan penduduk yang rendah. Aspek ini dapat dilihat dalam kampong yang dikaji di mana penduduknya ialah seramai 1,345 orang.

Dari aspek pekerjaan pula luar bandar merujuk kepada orang yang terlibat dalam kerja pertanian yang menjadi pekerjaan utama mereka. Kerja yang lain hanya merupakan kerja yang secondary sahaja. Kerja pertanian ini dalam banyak kes pula lebih merupakan satu cara hidup atau way of life daripada satu industri. Kawasan kajian pengkaji merupakan satu kawasan pertanian yang juga boleh dikategorikan sebagai pekerjaan luar bandar.

Dari aspek sosio-budaya pula, luar bandar ini digambarkan sebagai bercorak tradisional, lambat menerima perubahan dan di kalangan mereka sangat nenebal sikap kedaerahan. Masyarakatnya pula adalah homogeneous, terdapat sedikit sekali stratifikasi sosial, penghususaan tenaga yang paling minima dan hubungan yang primary dan bersemuka dikalangan ahli-ahlinya. Ciri-ciri sosio-budaya ini adalah terdapat di kawasan kajian pengkaji.

Oleh itu bila diterapkan ciri-ciri luar bandar yang dikemukakan oleh Kurlesky dan pengkaji lain ini, maka kedapatan kewujudannya di kampong yang menjadi tumpuan kajian pengkaji. Jadi kampong ini bolehlah digolongkan ke dalam kategori luar bandar dalam erti kata yang sebenarnya.

2.5. Konsep dan Pengukuran Kemiskinan

Kemiskinan sebenarnya satu konsep yang sukar ditafsirkan dan diukur. Ini adalah kerana kemiskinan adalah satu fenomena sosial yang tidak mudah untuk dikesani. Terdapat pendapat yang mengatakan bahawa kemiskinan itu hanya wujud dalam fikiran sahaja; maksudnya seseorang itu miskin apabila merasakan dirinya miskin. Tetapi pendapat ini terlalu subjektif. Manakala ada pula pendapat mengatakan kemiskinan adalah satu keadaan kekurangan (deprivation) yang lebih menepati dan munasabah.

Dikebanyakkan Negara Sedang Membangun, kemiskinan biasanya dikaitkan dengan kelaparan, kebuluran dan tempat tinggal yang tidak memuaskan. Dinegara yang kurang bernasib baik ini, kemiskinan biasanya dihubungkan dengan keadaan kekurangan makanan yang meluas dan keterlaluan' kelaparan yang berterusan, penyakit dan kematian. Semuanya ini adalah bentuk kemiskinan yang keterlaluan.²⁴

Dalam membincangkan konsep kemiskinan adalah lebih baik dibahagikan kepada 3 pendekatan utama :-

- (i) Pendekatan biologi
- (ii) Pendekatan ketidaksamaan (inequality)
- (iii) Relative Deprivation (bandingan kurangan)

Pendekatan biologi mengenai kemiskinan mengatakan orang yang miskin adalah "those whose earning are insufficient to obtain the minimum necessities for the maintenance of physical efficiency."²⁵

Secara ringkasnya ia adalah konsep kemiskinan yang berbatuk subsistance.

Pendekatan ketidaksamaan mengenai kemiskinan adalah dirujuk kepada ketidaksamaan pendapatan. Umumnya ia adalah saling berkaitan dengan pendekatan biologi tetapi adalah tidak sama. Pendekatan ini cuba lari daripada membuat pengukuran garis kemiskinan dan sebaliknya membuat tumpuan kepada alam semulajadi dan perbezaan saiz iaitu perbezaan secara relatif.

Pendekatan 'relative deprivation' di sini dimaksudkan kekurangan daripada mendapatkan beberapa keperluan hidup. Bagi manusia moden ada dua jenis keperluan hidup ini . Pertama ialah keperluan asasi, iaitu makanan, tempat tinggal dan pakaian. Keduanya ialah perkara yang dianggap kemudahan sosial, yang sudah menjadi keperluan juga; antaranya ialah sekolah, hospital, air, api dan kadang-kadang kenderaan juga. Setengah orang mampu mendapatkan segala keperluan ini dengan memuaskan; setengah pula tidak mampu berbuat demikian. Mereka yang tidak mampu atau tidak berkebolehan mendapatkan seluruh keperluan itu adalah dianggap orang yang miskin. Kemiskinan mereka tidak berapa teruk jika mereka mampu mendapatkan keperluan asasi dan tidak mampu hanya untuk mendapatkan kemudahan sosial, tetapi adalah paling teruk jikalau mereka tidak mampu mendapatkan keperluan asasi yang minimum, apatah lagi hendak mendapatkan kemudahan sosial.

Umumnya terdapat 2 ukuran atau kaedah mengenai kemiskinan telah digunakan dengan banyaknya oleh ahli-ahli ekonomi iaitu kemiskinan mutlak (absolute poverty) dan kemiskinan relatif (relative poverty).

Ukuran kemiskinan mutlak bergantung kepada jumlah pendapatan yang diperolehi dan akan diukur dengan menentukan 'garis kemiskinan', dengan membandingkan tingkat pendapatan mutlak isi rumah dengan pendapatan yang diperlukan untuk menampung keperluan minimum atau keperluan asasi serta kemudahan sosial seperti makanan, pakaian, tempat tinggal, kesihatan, pelajaran dan lain-lain.

Mengikut laporan Unit Penyelidikan Sosio-Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (SERU),²⁶ menetapkan garis kemiskinan bagi pendapatan purata isi rumah pada tahun 1983 adalah sebanyak \$384.00 sebulan bagi ahli keluarga seramai lima orang dan mengikut garis ini, maka sejumlah 42.8 peratus dari penduduk negara ini adalah di bawah garis kemiskinan. Sementara itu mengikut laporan Bank Dunia yang dikeluarkan pada tahun 1978, seramai 800 juta penduduk dunia berada di bawah paras kemiskinan mutlak. Kebanyakan daripadanya tertumpu di kawasan Afrika, Amerika Selatan dan Asia.

Ukuran perbandingan atau relatif adalah berbezâ dengan ukuran mutlak. Ukuran relatif lebih menekankan aspek kemasyarakatan (sudut sosiologi). Ukuran kemiskinan ini dihubungkan dengan struktur susun lapis masyarakat dan ketidaksamaan sosio-ekonomi yang terjelma oleh pendapatan, pemilikan dan pekerjaan. Secara kasar dapat dikatakan wujud sekurang-kurangnya tiga lapisan iaitu : lapisan atasan, pertengahan dan bawahan, dan ukuran relatif ini membandingkan kemiskinan dengan kedudukan taraf hidup masyarakat itu keseluruhannya, iaitu secara terus mengaitkan kemiskinan dengan agihan pendapatan dalam masyarakat itu.

Ini dilakukan dengan membandingkan purata pendapatan dan bahagian pendapatan dari jumlah pendapatan negara kasar (Gross National Income) antara berbagai-bagai kumpulan penduduk atau lain pembahagian. Melalui ukuran ini mereka yang miskin adalah golongan yang menerima purata pendapatan yang paling rendah dari segi agihan pendapatan negara.

Ukuran relatif ini lebih tepat dari ukuran mutlak kerana ia dapat menunjukkan pendapatan antara kumpulan dalam satu jangka waktu yang tertentu. Pertambahan purata pendapatan sesuatu kumpulan dan pertambahan kemudahan asas yang mereka terima tidak bererti kedudukan mereka telah menjadi lebih baik kerana besar kemungkinan bahagian pendapatan dalam jumlah pendapatan negara kasar mereka tidak berubah atau mungkin pertambahannya adalah dalam kadar yang lebih rendah mengikut golongan lain.

Disamping itu terdapat satu kaedah yang menggabungkan kedua-dua cara mutlak dengan cara relatif. Ini adalah disebabkan faktor lain juga terlibat dalam penentuan kemiskinan sesebuah keluarga. Faktor seperti kemudahan asas, peluang ekonomi dan sosial juga perlu diambil kira kerana pendapatan individu atau keluarga berkait rapat dengan sumber ekonomi mereka. Kemudahan sosial dan peluang sosial yang mereka perolehi. Jika penentuan hanya dengan mengatakan sesebuah isirumah berada di dalam kemiskinan atau tidak dengan semata-mata berdasarkan pendapatan yang diperolehi atau jumlah perbelanjaan minima yang diperlukan untuk mendapatkan keperluan asasi, ia tidak dapat menentukan dengan tepat kemiskinan yang dialami oleh sesebuah keluarga. Ini

dinyatakan oleh Peter Townsend,

".... they are rich or poor according to their shares of resources that one available to all. This is true as much as nutritional as monetary or even educational resources"²⁷

Pengukuran kemiskinan dengan menggabungkan kedua-dua kaedah iaitu mutlak dan relatif ini mendapat perhatian di kalangan ahli-ahli sosiologi kerana ia dapat memberikan gambaran yang multidimensional terhadap kedudukan golongan miskin.

2.5. Definisi dan Teori Kemiskinan

Sebenarnya tidak terdapat pengertian atau definisi yang khusus mengenai kemiskinan yang boleh diterima oleh semua. Kebanyakan negara mendefinisikan kemiskinan berdasarkan 'prevailing' keadaan dan kedudukan (standard).

Menurut takrif kerajaan Malaysia dalam kajian separuh pengal Rancangan Malaysia Kedua (1971-1975)²⁸ juga dalam laporan Ekonomi 1974-1975 bahawa orang yang miskin itu ialah "yang menganggur, yang tidak berpekerjaan penuh, yang berpendapatan rendah dalam pertanian, perusahaan dan perkhidmatan".²⁹

Menurut definisi yang diberikan oleh Syed Husin Ali pula, kemiskinan itu adalah suatu keadaan kekurangan untuk mendapatkan keperluan asasi. Selalu disebutlah bawahan keperluan asasi untuk hidup ialah makanan, perlindungan dan pakaian.³⁰ Tambah beliau lagi, dalam masyarakat kita makanan utama ialah nasi. Sekiranya seseorang itu tidak mampu mendapatkan nasi yang cukup untuk dirinya dan keluarga dan terpaksa menambahnya dengan ubikayu, maka tentulah boleh dikatakan bawahan kekurangan telah wujud. Manakala keperluan terbitan meramgkumi segala kemudahan sosial seperti bekalan air, letrik, kesihatan, kemudahan rekreasi dan sebagainya.

Dari segi ekonomi, kemiskinan merupakan satu keadaan ketiadaan atau deprivasi dari segi tingkat pendapatan, pemilikan dan pekerjaan yang rendah. Dari segi sosial pula, golongan miskin menduduki lapisan bawahan dalam sistem susunlapis masyarakat. Asas daripada ketidaksamaan sosio-ekonomi dalam sistem susunlapis itu ialah pengelompokan kuasa ke atas kebanyakan sumber kekayaan pada satu-satu golongan sahaja. Ini adalah berpunca daripada penjajahan yang telah menimbulkan sistem susunlapis masyarakat tersebut.

Dari sudut Islam, Islam memberikan pengertian kemiskinan bukan semata-mata menggambarkan kekurangan dalam bentuk fizikal seperti kekurangan makanan, pakaian dan tempat tinggal. Tetapi Islam melihat kemiskinan juga kepada jiwa dan roh. Kekayaan pada rohaniah sahaja sedangkan batiniahnya kosong masih diperhitungkan kemiskinan dari sudut jiwa dan roh. Walau bagaimanapun pada asasnya secara fizikal Islam masih melihat kemiskinan pada peringkat persoalan untuk mendapat

makanan, pakaian dan tempat tinggal. Ini termaktub dalam sebuah Hadith bahawa kemiskinan itu hampir kepada kekufuran.³¹ Maksud ini dapat dilihat kepada dua perkara, iaitu kerana keadaan amat miskin itu menyebabkan seseorang itu mencela takdir tuhan. Dan kedua dimaksudkan kepada jiwanya yang miskin menyebabkan mereka menjadi kufur hanya kerana ada sesuatu kekurangan kecil.

Terdapat juga pengertian lain tentang kemiskinan terutama yang diberikan oleh pengkaji barat. Baratz dan Grigsby mendefinisikan kemiskinan sebagai,

"... most commonly conceived of an economic insufficiency that is, lack of money (income, assets and borrowing power) to buy a market basket of goods, must be consumed for enjoyment of a minimal 'decent' level of living"³²

Pengertian ini menyamai pengertian yang diberikan oleh Syed Husin Ali. Baratz dan Grigsby menekankan kemiskinan dari aspek ekonomi iaitu kekurangan wang untuk mendapatkan keperluan asas seperti makanan dan sebagainya. Definisi ini memandang kemiskinan sebagai sesuatu yang relatif tetapi tidak menyatakan paras pendapatan untuk menentukan samada individu itu boleh digolongkan sebagai miskin atau tidak.

Jack L. Roach juga memberikan definisi kemiskinan berdasarkan insufficiency of basic-needs³³ yang diperlukan oleh individu untuk terus hidup. Definisi ini juga mengatakan kemiskinan

akan wujud bila mana kehendak atau keperluan terhadap sesuatu keperluan asasi tidak dapat dipenuhi dengan sepenuhnya. Basic needs adalah berbeda daripada satu masyarakat dengan masyarakat iaitu, mengikut peredaran masa serta tempat, manakala masyarakat itu pula sentiasa berubah disebabkan oleh urbanisasi, industrialisasi dan modenisasi. Walau bagaimanapun definisi ini tidak menyatakan setakat mana kepuasan yang diperlukan oleh individu untuk memenuhi keperluan asasi tersebut.

Mengikut definisi yang diberikan oleh International Encyclopedia of The Social Science , bahawa kemiskinan,

"... most merely "economic inequality"

(of property, income, living standard etc.)

but also "social inequality", that is, a relation of inferiority, dependence, or exploitation."³⁴

Definisi ini cuba menyatakan bahawa kemiskinan itu tidak hanya menekan dari segi perbedaan ekonomi sahaja, tetapi juga perbedaan sosial di dalam masyarakat. Ini dikaitkan terutamanya kepada golongan bawahan di dalam susun lapis masyarakat. Golongan bawahan ini lebih susah daripada golongan atasan. Walau bagaimanapun definisi ini juga tidak menyatakan berapakah paras pendapatan atau jumlah kekayaan untuk menentukan samada individu atau masyarakat itu boleh digolongkan sebagai miskin atau tidak

Terdapat juga beberapa orang pengkaji dalam kajian mengenai kemiskinan ini menggunakan beberapa pendekatan. Antara

pendekatan yang digunakan ialah pendekatan kebudayaan. Melalui pendekatan ini golongan yang miskin diandaikan memiliki beberapa ciri-ciri yang tertentu yang telah dihasilkan dari budaya yang mereka hasilkan iaitu pengaruh hidup dalam kemiskinan. Tingkahlaku dan nilai golongan ini berbeza dari tingkahlaku dan nilai yang terdapat dalam masyarakat dan budaya yang dominant. Tingkahlaku dan nilai mereka yang unik ini adalah dihasilkan dari proses sosialisasi mereka dan telah pun menjadikan sub-budaya kepada golongan kelas bawahan. Golongan miskin atau kelas bawahan ini lazimnya mempunyai sikap fatalisme, apathy, dan hanya mempunyai orientasi kehidupan semasa (present-time orientation).

Oscar Lewis seorang daripada pendokong 'budaya kemiskinan' di mana melalui teori ini beliau cuba menggambarkan cara hidup masyarakat yang negatif di kalangan golongan miskin dan sikap serta nilai begini dikatakan penghalang dari berlakunya perubahan di dalam kehidupan mereka. Kemiskinan yang dialami oleh pendokong budaya kemiskinan ini akan berterusan kerana mereka yang mengamalkan budaya ini tidak mempunyai dorongan psikologi untuk mengambil peluang yang ada dan perubahan yang berlaku di sekeliling mereka.

Walau bagaimanapun penggunaan teori budaya miskin yang dibawa oleh Lewis ini mendapat kritikan daripada beberapa orang pengkaji. Salah seorang daripada pengkaji yang mengkritik Lewis ialah A. Leads. Leads mengatakan Lewis telah gagal untuk membezakan golongan miskin yang ada ciri-ciri budaya miskin dengan golongan miskin yang tidak memiliki ciri-ciri tersebut. Tidak semua golongan miskin mempunyai

ciri-ciri yang sama begitu juga budaya miskin tidak dapat menggambarkan keseluruhan golongan miskin. Leads mengatakan,

"If, however, standard uses of the term 'culture' are maintained, then the culture of poverty which, according to Lewis, can occur in all kinds of different tradition and social systems - cannot be a culture, though it may be some other kind of systems, subsystem, or trait complex."³⁵

Memanglah tidak dapat dinafikan bahawa golongan miskin ini mempunyai budaya mereka yang tersendiri seperti yang telah dinyatakan sebelum ini tetapi tidak kurang juga golongan miskin yang menyedari tentang kehidupan mereka yang serba kekurangan dan mempunyai kesedaran untuk mengubah kehidupan mereka. Oleh kerana terdapat perbezaan dari segi persekitaran, ugama, norma-norma sosial dan tradisi, maka teori Oscar Lewis tidak dapat diaplikasikan untuk berbagai golongan miskin.

Selain daripada pendekatan kebudayaan, terdapat juga beberapa pengkajian serta teori tentang kemiskinan yang menggunakan pendekatan struktural. Pendekatan struktural ini menekankan struktur ketidaksamaan samada diperingkat antarabangsa mahupun setempat di mana ini menyebabkan timbulnya perbezaan di dalam pencapaian peluang-peluang ekonomi, sosial dan politik.

Di peringkat antarabangsa terdapat ketidaksamaan antara negara, iaitu negara kaya-maju dengan negara miskin-mundur; manakala di peringkat setempat atau dalam negeri pula terdapat ketidaksamaan di antara golongan atasan-kaya dengan golongan bawahan-miskin. Susunlapis pada kedua-dua peringkat ini tegak atas dasar penindasan, maksudnya negara kaya-maju menindas negara miskin-mundur dan golongan atasan-kaya menindas golongan bawahan-miskin. Proses penindasan ini menyebabkan yang kaya bertambah kaya dan yang miskin bertambah miskin. Itulah sebabnya ada pengkaji yang mengatakan kemiskinan bukanlah berlaku secara kebetulan, tetapi mempunyai kaitan dengan struktur masyarakat seperti mana yang dinyatakan oleh Leonard,

"Poverty and other forms of social underprivileges are not incidental or accidental but fundamental to the structure of society."³⁶

Oleh itu kemiskinan mestilah dilihat dalam konteks jaringan sistem ekonomi, sosial dan politik yang ujud di antara berbagai-bagai bahagian dalam masyarakat dan di antara negara-negara di seluruh dunia.

Struktur hubungan ketidaksamaan ini dijeniskan oleh setengah ahli-ahli ekonomi dan sosiologi sebagai struktur 'metropolis' dan 'satelit', atau hubungan antara 'penaung' dengan 'yang dinaungi'. Di peringkat antarabangsa, negara maju menjadi metropolis dan negara yang mundur menjadi satelitnya, manakala di peringkat setempat, bandar

menjadi metropolis dan kawasan luar bandar menjadi satelit, dan orang tengah atau pemodal-pemodal tempatan adalah metropolis manakala pekerja, nelayan dan para petani menjadi satelite.³⁷ Golongan metropolis sering menindas golongan satelit semata-mata untuk mendapat keuntungan.

Terdapat juga teori yang menyatakan bahawa kemiskinan timbul terutama sekali dari beberapa 'kekurangan' dalam nilai dan sikap petani yang selalu dianggap sebagai sifat konservatif yang semulajadi. Ia dikaitkan atau berlindung dengan perkara seperti 'nasib' dan 'rezeki', sehingga menjadikan mereka berpuas hati dan menyerah sahaja kepada keadaan ekonomi yang mereka alami. Segala ini dikemukakan bukan sahaja sebagai punca utama kemiskinan, tetapi juga salah satu sebab penting yang menyebabkan petani tidak menyambut dengan baik dan cepat projek kemajuan atau pembaharuan yang dianjurkan oleh kerajaan.

Sebenarnya konsep seperti 'nasib' dan 'rezeki' mungkin menerangkan mengapa kebanyakan petani miskin menerima sahaja keadaan yang mereka alami tanpa banyak kegelisahan, akan tetapi ia tidak boleh dianggap sebagai sebab kemiskinan. Apa yang perlu diakui ialah bukannya perkara yang bersabit dengan mental dan psikologi orang, khususnya petani, akan tetapi sejarah dan susunan yang berkaitan dengan ekonomi dan politik sebagai punca utama kemiskinan.³⁸

Seterusnya ada teori yang menerangkan bahawa kemiskinan timbul terutamanya dari kekurangan modal, dan oleh itu untuk menaikkan

taraf hidup kumpulan-kumpulan atau kawasan yang kurang maju, maka modal diperlukan.³⁹ Sebenarnya pendapatan petani sudah sedia rendah maka sudah tentu ia tidak dapat menyimpan, dan ini bererti ia tidak mempunyai modal secukupnya yang diperlukan untuk menaikkan pendapatan melalui pembelian lebih banyak tanah atau peralatan.

Dalam membincangkan masalah mengenai kekurangan modal ahli-ahli ekonomi seperti Nurkse telah memperkenalkan konsep 'lingkaran ganas kemiskinan' (vicious circle of poverty) yang merupakan himpunan beberapa komponen yang bertindak antara satu sama lain yang menyebabkan sukar untuk seseorang itu melepaskan diri dari cengkaman ganas ini. Nurkse seterusnya menjelaskan bahawa lingkaran ini hanya dapat di dihancurkan melalui pertambahan modal iaitu dengan menambah lebih banyak modal.⁴⁰ Ini jelas memperlihatkan bagaimana pertambahan pendapatan dapat mempengaruhi banyak bidang.

2.6. Pembangunan Luar Bandar dan Kemiskinan Di Negeri Pahang

Menurut U.Abdul Aziz pembangunan luar bandar adalah,

".... a planned process using any form of action or communication designed to change the environment, techniques, institutions and attitudes of the rural people in such a way as to eliminate their poverty and improve their way of life"⁴¹

Pembangunan luar bandar bukan sahaja untuk bekalkan kemudahan kepada penduduk luar bandar tetapi juga untuk mengubah cara meninggikan pendapatan dari usaha-usaha tradisional kepada usaha-usaha baru.

Bagi Negeri Pahang iaitu sebuah negeri yang berteraskan pertanian, pembangunan luar bandarnya adalah sangat penting terutama sekali dalam konteks pembasmian kemiskinan. Bagi sebuah negeri yang luasnya lebih kurang 3.4 juta hektar, dengan jumlah penduduk luar bandarnya seramai 584,456 orang atau 63,7 peratus daripada jumlah keseluruhan penduduk seramai 917,514 orang bagi tahun 1985. Dari jumlah 584,456 penduduk luar bandar, lebih kurang 76 peratus atau 698,772 orang terdiri daripada penduduk di kampong tradisional, sebanyak 22 peratus atau 197,742 orang daripadanya adalah peneroka FELDA, dan 2 peratus atau 21,000 orang adalah kaum nelayan.⁴²

Beberapa strategi baru telah digubal bagi mempastikan keberkesanan usaha-usaha ke arah menjamin masa depan masyarakat luar bandar. Namun demikian, strategi yang digubal itu memerlukan sokongan serta kerjasama yang erat dari semua pihak terutama sekali dari pihak masyarakat yang terlibat bagi menjayakan usaha membasmi kemiskinan terutama di kawasan luar bandar.

Umum mengetahui bahawa apabila menyebut tentang kemiskinan luar bandar, mereka adalah kebanyakannya terdiri daripada kaum Melayu. Ini adalah seperti mana yang dinyatakan oleh Syed Husin Ali,

"When we talk about rural poverty we really mean Malay poverty, since a large majority of the rural people are Malays (about 67%). Roughly 74% of all the poor in the country are Malays, and 66% of all the Malays are poor."⁴³

Jika dilihat Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat (KSPRME) majoriti penduduk Semenanjung Malaysia tinggal di kawasan luar bandar. Pada tahun 1980, daripada 2.2 juta penduduk Semenanjung Malaysia seramai 1.5 juta adalah penduduk luar bandar. Pada tahun 1983 pula daripada 2.4 juta penduduk, seramai 1,489,500 adalah penduduk luar bandar, manakala pada tahun 1985 seramai 1,513,500 juta daripada 2.5 juta adalah penduduk luar bandar.⁴⁴ Pertanian merupakan kegiatan yang dominant bagi penduduk luar bandar ini. Kadar kemiskinan pada keseluruhannya meningkat sedikit daripada 29.0 peratus dalam tahun 1980 kepada 30.3 peratus dalam tahun 1983, tetapi turun sedikit pada tahun 1985 iaitu 24.1 peratus (Jadual II.1). Kira-kira 635,900 isirumah dianggarkan miskin pada akhir tahun 1980. Pada tahun 1983 pula dianggarkan 717,600 isirumah miskin, manakala kira-kira 601,900 isirumah pada tahun 1985 adalah dianggarkan miskin di mana ini menunjukkan penurunan jumlah isirumah yang miskin. Kadar kemiskinan di luar bandar meningkat daripada 37.4 peratus dalam tahun 1980 kepada 41.6 peratus dalam tahun 1983 tetapi kembali menurun pada tahun 1985 kepada 24.1 peratus.

Kadar kemiskinan di kawasan luar bandar memperlihatkan

SADUAL 11-1

**SEMENANJUNG MALAYSIA: KADAR KEMISKINAN MENGIKUT KAWASAN-I
BANDAR DAN LUAR BANDAR, 1980 DAN 1983¹ DAN 198.**

Strata	1980 ²				1983				Jumlah isirumah ('000)
	Jumlah isirumah ('000)	Jumlah isirumah miskin ('000)	Kadar kemiskinan (%)	Peratus di kalangan isirumah miskin (%)	Jumlah isirumah ('000)	Jumlah isirumah miskin ('000)	Kadar kemiskinan (%)	Peratus di kalangan isirumah miskin (%)	
	('000)	('000)	(%)	(%)	('000)	('000)	(%)	(%)	
<i>Luar bandar</i>									
Pertanian	1,449.5	542.1	37.4	85.3	1,489.5	619.7	41.6	86.4	1,513.5
Pekebun kecil getah	924.8	422.5	45.7	66.5	906.6	497.6	54.9	69.4	890.7
Pekebun kecil kelapa sawit	409.0	168.9	41.3	26.6	405.8	247.9	61.1	34.6	401.9
Pekebun kecil kelapa	23.6	1.8	7.7	0.3	23.0	1.5	6.5	0.2	22.5
Penanam padi	32.8	12.8	38.9	2.0	31.0	10.1	32.7	1.4	134.3
Petani-petani lain	145.0	76.4	52.7	12.0	138.9	75.0	54.0	10.5	158.8
Nelayan	165.0	106.1	64.2	16.7	161.7	87.3	54.0	12.2	39.8
Pekerja-pekerja estet	41.1	18.6	45.3	2.9	40.5	18.1	44.7	2.5	103.7
Industri-industri lain	108.0	37.9	35.1	6.0	105.7	57.7	54.6	8.0	622.8
<i>Bandar</i>									
Perlombongan	524.7	119.6	22.8	18.8	582.9	122.1	20.9	17.0	983.6
Pembuatan	743.5	93.8	12.6	14.7	881.2	97.9	11.1	13.6	5.2
Pembinaan	5.2	1.7	33.0	0.3	5.2	2.1	41.0	0.3	175.0
Pengangkutan dan kemudahan awam	32.6	23.5	13.4	3.7	222.2	28.0	12.6	3.9	259.4
Perdagangan dan perkhidmatan	81.6	5.7	17.4	0.9	38.0	5.2	13.7	0.7	449.1
JUMLAH	2,193.0	635.9	29.0	100.0	2,370.7	717.6	30.3	100.0	2,497.1

Nota:

¹ Pengiraan mengambilkira kesan daripada pelaksanaan program-program dalam tahun-tahun terakhir 1970an dan dalam tempoh 1981-83, serta perubahan dalam faktor-faktor lain seperti harga dan kos. Data daripada kajian-kajian yang telah dijalankan oleh Unit Perancang Ekonomi, Unit Penyelidikan Sosio-Ekonomi dan Jabatan Perangkaan di Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Pertanian dan agensi-agensi lain juga telah digunakan dalam pengiraan.

² Anggaran untuk tahun 1980 bagi beberapa kumpulan miskin dalam sektor luar bandar tidak termasuk pekebun kecil kelapa sawit, pekebun kecil kelapa, nelayan dan pekerja-pekerja estet telah dikaji semula. Anggaran jumlah isirumah telah dikaji semula berdasarkan Banci Penduduk dan Perumahan, 1980.

³ Pengiraan mengambilkira kesan daripada pelaksanaan program-program dalam tahun-tahun terakhir 1970an dan dalam tempoh 1981-85 serta perubahan-perubahan dalam faktor-faktor lain seperti harga dan kos. Data daripada kajian-kajian yang telah dijalankan oleh Unit Perancang Ekonomi, Unit Penyelidikan Sosio-Ekonomi dan Jabatan Perangkaan di Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Pertanian dan agensi-agensi lain juga telah digunakan dalam pengiraan.

Ternyata dari data-data di atas ketidakseimbangan pendapatan wujud di kalangan penduduk di negeri ini. Apa yang membimbangkan ialah keadaan di mana 72 peratus dari penduduk luar bandar masih menerima pendapatan yang kurang dari \$300.00 sebulan.

Oleh kerana di negeri ini kadar kemiskinan yang tinggi terdapat di luar bandar, maka usaha membasmi kemiskinan banyak ditumpukan kearah luar bandar khususnya disektor pertanian, usaha menambahkan pendapatan ditumpukan kepada golongan yang mempunyai daya pengeluaran pertanian yang rendah. Kerajaan berpendapat dengan penggunaan teknik-teknik baru dan kemudahan yang lebih baik, daya pengeluaran dan hasil dari golongan ini akan dapat dipertingkatkan.

Selaras dengan usaha-usaha di atas juga agensi-agensi dan jabatan-jabatan baru diwujudkan manakala yang telah wujud disusun semula supaya jentera perlaksanaan rancangan-rancangan tersebut dapat dilaksanakan dengan licin dan berkesan. Melalui usaha agensi-agensi yang terlibat berbagai jenis perkhidmatan dari segi fizikal, ekonomi dan sozial diberikan dengan prestasi pencapaian yang berbagai.

Kajian Unit Penyelidikan Sosio-Ekonomi (SERU) tahun 1981 menunjukkan bahawa kadar kemiskinan (1981/82) bagi daerah-daerah dan taburan pendapatan isirumah adalah seperti jadual :-

Jadual II.3

Kadar Kemiskinan Mengikut Daerah (1981/82)

Daerah	Kadar (%)
Kuala Lipis	57.3
Rompin	54.3
Pekan	45.2
Raub	41.1
Jerantut	40.2
Temerloh	37.9
C.Highlands	33.7
Bentong	35.8
Kuantan	14.6
Pahang	38.2

Sumber: Kajian Kesejahteraan Hidup Isirumah oleh
SERU 1981/82 (Unpublished date 1983)

Kategori	Kadar kemiskinan Negeri Pahang masih tinggi berbanding dengan 30.3 peratus bagi Malaysia. Kadar kemiskinan yang paling tinggi terdapat di daerah-daerah Kuala Lipis, Rompin dan Pekan. Dengan pendapatan per kapita yang lebih tinggi dari Malaysia (Jadual II.4) tetapi kadar kemiskinan yang juga lebih tinggi dari Malaysia ternyata terdapat ketidakseimbangan dari segi pengagihan pendapatan di negeri ini.					
	1	2	3	4	5	6
1. Pendapatan	3.5	6.1	4.9	7.3	16.9	19.3
2. Pengeluaran	4.6	—	4.9	5.7	16.2	15.5

1 : Pendapatan, Tercatat dan Carter-Scholes Berpendapat

2 : Pendapatan dan Pengeluaran

3 : Penerjemahan Werkmenan dan yang terperinci

Jadual II.4

Pendapatan Per Kapita

Tahun	Pahang	Malaysia
1970	\$975.20	\$993.60
1971	\$1,176.00	\$1,099.70
1983	\$2,187.10	\$2,119.90

(Sumber : Konvensyen UMNO Pahang. Sept. 1985. Hal. 12)

Kajian yang sama menunjukkan bahawa pertanian masih merupakan kumpulan utama pendapatan penduduk di Negeri Pahang ini.

Jadual II.5

Klasifikasi Pekerjaan Ahli-Ahli Isirumah

Mengikut Kumpulan Pekerjaan Utama (%)

Daerah	Kumpulan Utama 1	Kumpulan Utama 2	Kumpulan Utama 3	Kumpulan Utama 4	Kumpulan Utama 5	Kumpulan Utama 6
Raub	4.0	0.1	4.5	16.3	53.3	21.8
Kuantan	7.2	0.1	10.8	27.7	22.4	31.8
Temerloh	4.1	0.4	3.7	16.4	61.4	13.7
Pekan	7.8	-	4.3	12.8	43.3	31.8
Lipis	5.0	0.1	2.4	10.4	71.1	11.0
Jerantut	2.5	0.6	4.0	7.3	66.3	19.3
Rompin	4.4	-	1.5	5.7	72.9	15.5

1 : Iktisas, Teknikal dan Kerja-Kerja Berkaitan

2 : Pentadbiran dan Pengurusan

3 : Pekerja-Pekerja Perkeranian dan yang berkaitan

4/5 : Pekerja-Pekerja Perniagaan dan Perkhidmatan

6 : Pertanian, Penternakan, Perhutanan

7/8/9 : Pekerja-Pekerja Pengeluaran, Pengangkutan, Buruh.

(Sumber: SERU 1981/1982 (unpublished date 1983))

Dapat dilihat dari data di atas, daerah-daerah Rompin, Lipis, Jerantut dan Temerloh, bilangan isirumah yang terlibat dalam pertanian masih mengatasi kumpulan-kumpulan lain. Ini memberi gambaran bahawa kegiatan sebilangan besar penduduk masih tertumpu kepada kawasan luar bandar, dan semua kawasan yang terlibat kadar kemiskinan masih lagi tinggi.

Jadual II.6

Taburan Peratusan Pendapatan Sebulan

Isirumah Mengikut Kelas Pendapatan

Daerah	\$200	\$200-399	\$400-599	\$600-999	\$1000-1999	\$2000-4999	\$5000
Raub	20.7	36.4	21.2	11.4	7.5	2.4	0.4
Kuantan	4.2	24.4	27.2	21.9	15.9	5.3	1.1
Temerloh	18.8	36.3	24.8	14.1	3.9	2.1	-
Pekan	24.7	32.4	20.6	12.4	8.2	1.7	-
Lipis	38.9	29.1	14.2	9.4	7.0	1.1	0.3
Jerantut	18.5	45.4	17.2	13.3	3.6	1.1	0.4
Rompin	28.5	38.2	20.3	9.3	2.4	0.8	-

Sumber : SERU 1981/1982 (unpublished date 1983)

Dari segi pendapatan pula ternyata masih ramai penduduk di negeri ini berpendapatan di bawah \$400.00 sebulan. Dengan garis kemiskinan ialah pendapatan \$384.00 sebulan untuk keluarga purata 5.5 orang, jelaslah peratusan kemiskinan tidak begitu berubah walaupun prestasi kemajuan program pembangunan memberikan petunjuk yang positif. Peratusan isirumah yang menerima pendapatan di bawah \$200.00 sebulan juga masih tinggi.

Apabila dibandingkan pekerjaan utama dengan pendapatan terbukti bahawa daerah-daerah yang mempunyai sebilangan besar penduduknya terlibat dengan pertanian mempunyai pendapatan yang rendah. Bagi daerah Rompin misalnya sebanyak 66.7 peratus dari penduduk di daerah tersebut menerima pendapatan kurang dari \$400.00 sebulan.

2.7. Kesimpulan

Walaupun negara sedang mengalami proses pembangunan tetapi masalah kemunduran atau kemiskinan masih lagi wujud. Ini terbukti dalam rancangan-rancangan lima tahun Malaysia usaha-usaha kearah pembasmian kemiskinan masih terus dijalankan. Kemunduran dan pembangunan adalah dua aspek yang saling melengkapi antara satu sama lain seperti mana dijelaskan oleh A.G. Frank :-

".. the development and underdevelopment are two aspects of the same historical process involving the creation and spread of modern technology."⁴⁶

Sektor pertanian luar bandar mempunyai kadar kemiskinan yang paling tinggi jika dibandingkan dengan sektor ekonomi lain di Malaysia. Maka usaha terus menerus haruslah dicari untuk membasminya. Seperti kata Robert Mc Namara bahawa kemiskinan itu merupakan satu keadaan gaya hidup yang memalukan dan boleh menjatuhkan martabat kemanusiaan. Sekiranya rakyat Malaysia keseluruhannya mahu mengekalkan martabat sebagai bangsa yang aman dan makmur, maka usaha terus menerus harus dicari supaya bahaya cengkaman kemiskinan dapat dielakkan.⁴⁷

Tidak ada manusia di dalam dunia ini yang inginkan kemiskinan dan penderitaan hidup dan setiap orang perlukan sedikit kesenangan supaya hidup lebih aman dan sempurna.

- JULIA VII, MAC 1971.
9. Rossi, Gannett, *Urban Sociology*, Holden, New York, 1968, JULIA XII.361, 1968
 10. United Nations, *The World Social Development Decade Proposals for Action*, Secretary General, New York, Mar. 1970, Ref. U.N.Soc/5613.
 11. Majlis Tanah Abd. Razak (Unterj. Sejarah Bahagian), Konvensyen 1950 Negeri Johor 1950, Ed. 1, Johor, 1950.
 12. Engku H. Ahmad (Dr) "Taksonomi Peniagaan, Peranan Individu dan Masyarakat", Perma Iambangawan, JULIA VII, Bil. 1, Mac 1971, M.10.
 13. Sorokin, P.A., dan Zimmerman, C.C., *Principle of Rural Urban Sociology*, Henry Holt and Co., New York, 1969, Ref. 5-10
 14. Smith, T.C., dan Zeph, F.M. *Principle of Industrial Rural Sociology*, F.A. Davis Company, USA, 1970, Ref. 7
 15. H.J.D. Radid Sulaiman (Dato), "Penilaian Tingkat Pendapatan Keluarga dan Kualiti Hidup", Konvensyen 1950 Negeri Johor, Sept. 1969, Ref. 2
 16. U.Abdul Aziz (Prof), "Poverty and Rural Development in Malaysia", Review Economic Malaysia, Vol. 1, No. 1, June 1964, Ref. 70

Nota Rujukan

1. Elyas Omar (Dato, Dr), 'Pentadbiran Pembangunan', Forum Pembangunan, Jilid VII, Bil 2, Jun 1980, UPEN, JPM.
2. Ibid. Hal.2
3. Syed Husin Ali (Prof. Dr.), Apa Erti Pembangunan, DEP, 1979. Hal.16
4. Ibid. Hal.4
5. D.Seers, 'The Meaning of Development', Agricultural Development Council, Inc. New York, 1970.
6. Syed Husin Ali, Op.Cit (D.Seers 1969), 1979. Hal.60
7. G.M.Meier, Leading Issues In Economic Development, Oxford University Press, 1970, Hal.5
8. Azahari Abd.Rahman. 'Ugama Dan Pembangunan', Forum Pembangunan, Jilid VII, Mac 1979.
9. Myrdal, Gunnar, Asian Drama, Partkon, New York, 1968, Jilid III. Hal.1868
10. United Nations, The United Nation Development Decade Proposals For Action. Secretary General, New York, Mei 1972. Hal. U.N.No.E/3613.
11. Najib Tun Abd.Razak (Menteri Besar Pahang). Konvensyen UMNO Negeri Pahang 1985. Hal.70
12. Engku M.Anuar (Dr) 'Islam dan Pembangunan, Peranan Individu dan Masyarakat', Forum Pembangunan, Jilid VII, Bil 1, Mac 1979, UPEN.
13. Sorokin, P.A, dan Zimmerman,C.C, Principle of Rural Urban Sociology, Henry Holt and Co., New York, 1969. Hal 8-10
14. Smith, T.C, dan Zopf, P.E; Principle of Inductive Rural Sociology, F.A, Davis Company, USA, 1970. Hal 7
15. Hj.Abd Rashid Rahman (Dato), 'Pembangunan Luar Bandar Dalam Konteks Membasmi Kemiskinan', Konvensyen UMNO Negeri Pahang, Sept.1985.Hal 2
16. U.Abdul Aziz (Prof), 'Poverty and Rural Development in Malaysia', Kajian Ekonomi Malaysia, Vol.1, No.1, June 1964, Hal 70

32. Merton S. Baratz and William G. Grigsby, 'Thoughts on Poverty and Its Elimination', Journal Of Social Policy, Vol.1. Part 2, April 1972.
33. Roach J.L, Poverty, Penguin Book, 1972. Hal.9-32
34. International Encyclopedia of Social Science, Vol.12, 1968. Hal.398
35. A. Leads, 'The Concept of Culture of Poverty: Conceptual Logical and Empirical Problems, with Perspective from Brazil and Peru. Hal.232
36. Peter Leonard, 'The Challenge of Primary Prevention', Social Work Today, Vol.2, No.5 1971. Hal 2-4
37. Yusof Suratman, Kemiskinan di Kalangan Orang Melayu di Bandar, M.A. Tesis, Jabatan Antropologi dan Sosiologi, U. Malaya. 1979, Hal 38
38. Op.Cit, Syed Husin Ali, 1979. Hal 61
39. Ibid, Hal. 61
40. R. Nurkse, Problem of Capital Formation in Underdeveloped Countries, Oxford, 1953. Hal.4
41. Op.Cit, U. Abd.Aziz, 1964. Hal 87
42. Op.Cit, Konvensyen UMNO Negeri Pahang, 1985, Hal 21-22
43. Syed Husin Ali (Prof), The Malays, Their Problems and Future, Heinemann, Kuala Lumpur, 1981, Hal 83
44. Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat (1980-1985), Hal. 86-100.
45. Op.Cit, Konvensyen UMNO Negeri Pahang, Sept, 1985. Hal.7
46. A.G. Frank, Capitalism and Underdevelopment in Latin America, Penguin Press, Great Britani, 1972. Hal X
47. Utusan Malaysia, 'Hanya Kaedah Moden Boleh Atasi Kemiskinan Petani', Selasa, 30 Julai 1985. Hal 7

BAB III

LATARBELAKANG KAWASAN KAJIAN

3.1. Pendahuluan

Bab ini bertujuan melihat latarbelakang kampong di mana kajian ini dilakukan. Latarbelakang sesebuah kampong adalah penting dalam satu-satu kajian kerana latarbelakang mencerminkan keadaan kampong dahulu dan sekarang. Daripada penguraian tentang latarbelakang ini kita akan mengetahui samada kampong di mana kajian ini dilakukan telah mengalami proses pembangunan luar bandar atau tidak. Juga daripada bab ini kita akan dapat mengetahui serba sedikit kehidupan penduduk di kampong ini melalui responden yang telah dipilih iaitu seramai 50 orang ketua keluarga.

3.2. Sejarah Pembukaan Kampong

Tidak terdapatnya butir-butir resmi yang boleh dibuat rujukan untuk melihat dan mengetahui bagaimakah sejarah pembukaan dan siapakah yang mula-mula membuka kampong ini. Keterangan hanyalah berdasarkan cerita salah seorang daripada orang tua yang dikatakan mula-mula membuka kampong ini.¹ Menurut beliau kampong ini telah dibuka pada tahun 1952,

1. Darmo bin Tahir, umur 77 tahun dan ketika kampong dibuka beliau berumur 44 tahun.

bermakna kampong ini telah pun wujud kira-kira 33 tahun dahulu. Kampong ini dikatakan telah dibuka oleh sekumpulan 43 orang keluarga yang datang dari daerah Endau, Johor. Waktu permulaan kumpulan ini hanya membuka kawasan kampong Jawa dan kampong Serinkin, tetapi apabila penduduknya semakin ramai, mereka turut membuka kampong sekitar termasuk kampong Parit DID, kampong Parit Kangkong dan akhir sekali kampong Sungai Meranti yang dibuka pada tahun 1969. Sekarang mereka yang turut membuka kampong ini hanya tinggal tiga orang sahaja lagi.

Permulaan pembukaannya, kampong ini hanyalah seluas lebih kurang 50 ekar sahaja. Pembukaan kampong ini adalah akibat kegagalan mengusahakan tanaman padi di kawasan Endau, Johor. Mereka cuba mengusahakan tanaman padi untuk menampung kehidupan sehari-hari mereka kerana waktu itu mereka baru sampai ke kawasan Endau. Akibat kegagalan ini mereka telah berusaha untuk mencari satu kawasan lain untuk dijadikan kawasan tanaman padi. Dalam usaha mencari tanah yang sesuai inilah akhirnya membawa mereka sampai ke kampong Jawa.

Kampong ini telah dinamakan Kampong Jawa sempena mengambil nama orang Jawa yang menjadi peneroka kampong ini. Kampong ini telah mendapat sokongan Sultan Pahang iaitu Sultan Abu Bakar waktu itu. Ini adalah kerana salah seorang daripada mereka pernah bekerja dengan Sultan Pahang. Sultan Pahang telah memberi kebenaran kepada kumpulan keluarga ini untuk membuka kampong ini dan seterusnya mendiaminya. Tambahan pula baginda juga mempunyai tanah di kawasan ini.

Tanaman permulaan yang diusahakan di sini ialah kopi. Mereka tidak terus menanam padi. Tetapi kopi tidak dapat hidup dengan suburnya disebabkan tidak adanya sistem pengairan. Air yang bertakung menyebabkan kopi tidak dapat hidup dengan baik. Kemudiannya mereka beralih kepada tanaman kelapa. Kelapa dapat hidup dengan hasil kelapa serta sedikit dapat menampung perbelanjaan harian mereka. Apabila musim hujan tiba, air hujan bertakung di kawasan yang rendah. Ini menjadikan tanah yang ditakungi air itu lembut seperti kawasan tanah sawah. Penduduk kampong telah cuba menanam padi di tanah yang berair ini. Percubaan mereka ini telah mendatangkan hasil yang agak menggalakan. Oleh itu apabila sahaja tiba musim hujan, penduduk yang mengusahakan tanaman padi akan meneruskan usaha ini dan dengan adanya tanaman padi keadaan kehidupan mereka bertambah baik. Tetapi mereka tidak dapat menjalankan pertanian padi dengan sempurna kerana hanya bergantung semata-mata kepada sumber alam iaitu hujan. Pergantungan kepada air hujan banyak risikonya, kadangkala hujan melimpahi bendang dan kadangkala berlaku kemarau panjang.

Daerah Rompin waktu itu ditadbirkan oleh Pejabat Daerah Pekan. Pentadbiran di daerah Rompin diketuai oleh dua orang Penolong Pegawai Daerah (PPD) keturunan Inggeris.² Jalan utama waktu itu adalah melalui jalan air atau sungai. Jalanraya pada permulaannya hanyalah jalan yang dikenali sebagai jalan Jepun. Jalan ini digunakan oleh tentera-tentera Jepun yang lebih merupakan lorong kecil. Jalan

2. Kedua-dua PPD (ADO) ialah Mayplack dan Walker.

yang lebih sempurna mula dibina pada tahun 1960. Sekarang jalan ini merupakan jalan utama untuk perjalanan ke arah selatan Semenanjung, sekiranya melalui Negeri Pahang.

Kemudahan asas waktu ianya dibuka tidak ada langsung. Seperti yang dinyatakan di atas, perhubungan adalah begitu sukar sekali. Disamping jalan darat penduduk juga menggunakan jalan sungai. Mereka tidak mengetahui bahawa kelak kampong ini mempunyai kedudukan yang strategik iaitu jalan utama menghubungkan Negeri Pahang dengan Johor sebelum adanya Lebuhraya Tun Abdul Razak.

3.3 Geografi

Kampong Jawa letaknya kira-kira 20km daripada bandar Rompin dan 4.8km daripada bandar Endau, Johor. Keluasan kampong ini adalah lebih kurang 1,615 ekar atau 800 hektar dengan tanah milik sendiri seluas kira-kira 790 ekar atau 390 hektar dan tanah simpanan kerajaan kira-kira 300 ekar atau 150 hektar. Kedudukan kampong ini juga berhampiran dengan pantai laut iaitu Laut China Selatan, di mana ini memberi peluang kepada penduduk tempatan untuk menangkap ikan secara sambilan sekadar untuk menampung keperluan makanan harian iaitu penangkapan ikan dengan menggunakan jala ditepi-tepi pantai.

Tanah di kampong ini terdiri daripada dua jenis di mana di bahagian yang hampir dengan pantai tanahnya berpasir dan di bahagian yang jauh sedikit daripada pantai tanahnya berlumpur. Walaupun tanahnya berpasir tetapi ia juga adalah dari jenis yang berlumpur dan

apabila tiba musim hujan tanah ini adalah sesuai untuk penanaman padi. Tetapi pada umumnya tanah di kampong ini adalah sesuai untuk semua jenis tanaman dan subur.

Kegiatan ekonomi penduduk kampong ini adalah berbagai. Mereka mengusahakan berbagai jenis tanaman seperti padi, koko, kelapa, tembakau, jagung, tembikai dan beberapa jenis sayur-sayuran. Ini adalah kerana tanah di sekitar kampong ini seperti yang telah dinyatakan adalah sesuai untuk berbagai jenis tanaman. Walau bagaimanapun tanaman yang mereka usahakan ini dikerjakan secara bergilir-gilir melainkan koko dan kelapa yang lebih merupakan tanaman kekal di kampong ini. Apabila tiba bulan September hingga Disember mereka mengusahakan padi di mana waktu ini adalah musim hujan. Semua petani akan mengambil kesempatan dengan ketibaan musim hujan ini.

Setelah selesai kerja menuai padi dan apabila tanah kering semula, tanah tersebut akan dibajak semula untuk diusahakan tanaman lain pula. Ada di antaranya menanam tembakau, jagung, sayur-sayuran dan sebagainya. Ini menunjukkan bagaimana tanah di kawasan ini kebanyakannya diusahakan sepanjang tahun. Ia juga menunjukkan petani tidak hanya bergantung kepada satu jenis tanaman sahaja. Padi yang di tanam sekali setahun ini sudah tentunya tidak akan mencukupi untuk menambah perbelanjaan tahunan mereka. Pelbagai tanaman yang diusahakan ini dapat menampung dan menambahkan pendapatan petani yang semata-mata bergantung kepada hasil pertanian.

3.4. Penduduk

Kampong Jawa dan kampong sekitarnya mempunyai jumlah penduduk seramai 1,345 orang. Kesemuanya terdiri daripada orang Melayu. Cuma yang berbeza di antara mereka adalah dari segi keturunan dan daerah tempat asal mereka. Ada yang berketurunan Jawa, Bugis dan 'Melayu' dan berasal dari Johor, Kedah, Kelantan dan Pahang sendiri. Walaupun boleh didapati orang berbangsa Cina di sini tetapi mereka bukan merupakan penduduk asal kampung ini cuma mereka menyewa tanah kampung dengan menanam tanaman terutama sekali lada.

Jadual III.1

Latarbelakang Umur Penduduk

Umur	Bilangan	Peratus
5 tahun ke bawah	150	11.2
5-6 tahun	78	5.8
7-12 tahun	244	18.4
13-17 tahun	192	14.3
18-25 tahun	196	14.6
26-35 tahun	134	10.0
36-45 tahun	130	9.6
46-55 tahun	113	8.4
Melebihi 55	106	8.0
Jumlah	1345	100.0

Sumber: Pejabat Daerah Rompin, Bahagian Pembangunan Masyarakat Banci Tahun 1983.

Jadual III.2

Bilangan Lelaki dan Wanita

Jantina	Bilangan	Peratus
Lelaki	764	56.8
Wanita	581	43.2
Jumlah	1345	100.0

Sumber: Pejabat Daerah Rompin, Bahagian Pembangunan Masyarakat Banci Tahun 1983.

Daripada Jadual III.1 menunjukkan bilangan atau majoriti penduduk di kampong ini adalah di antara umur 7 tahun hingga 12 tahun dan 13 tahun hingga 17 tahun. Peringkat umur begini adalah peringkat umur persekolahan. Ini bermakna ibubapa atau ketua keluarga terpaksa bekerja keras untuk menanggung perbelanjaan persekolahan anak-anak. Peringkat umur begini juga adalah masih di bawah tanggungan ibubapa sepenuhnya dan mereka kebanyakannya masih belum begitu faham akan kesusahan yang dialami oleh keluarga mereka, terutama di peringkat umur 7 tahun hingga 12 tahun. Bilangan tenaga muda atau belia juga ramai iaitu 14.6%. Umur di peringkat ini dapat menyumbangkan tenaga kepada kegiatan pertanian dan ramai di antara mereka ini menjadi pembantu kepada ketua keluarga dalam mengusahakan tanah.

Jadual III.2 pula menunjukkan bilangan lelaki adalah lebih ramai daripada wanita. Bilangan lelaki yang lebih ramai adalah penting kerana lelaki merupakan tenaga utama dalam sesuatu kegiatan

pertanian yang memerlukan banyak tenaga. Walau bagaimanapun wanita juga penting kerana wanita biasanya menjadi pembantu dalam sesuatu kegiatan yang dijalankan. Ada juga wanita yang menjadi ketua keluarga dalam kampong yang dikaji setelah suami mereka meninggal dunia.

3.5. Pentadbiran dan Corak Kepimpinan

Pentadbiran Kampong Jawa dan kampong sekitarnya adalah terletak sepenuhnya di bawah pentadbiran Pejabat Daerah Rompin, Pahang. Kedudukan Kampong Jawa adalah di dalam Mukim Endau, Pahang di mana ianya diketuai oleh seorang Penghulu. Di peringkat kampong pula ianya diketuai oleh seorang ketua kampong.

Ketua kampong memainkan peranan penting dalam pentadbiran kampong. Beliau merupakan pemimpin masyarakat yang paling rapat dengan semua masyarakat kampong. Ini adalah kerana pentadbir lain seperti penghulu, Pejabat Daerah Rompin dan Wakil Rakyat mempunyai kawasan yang luas untuk diberi perhatian. Beliau terpaksa mentadbir empat buah kampong lain selain dari Kampong Jawa iaitu Kampong Serinkin, Kampong Parit DID, Kampong Parit Kangkong dan Kampong Sungai Meranti.

Ketua kampong yang ada sekarang mula memegang jawatannya sejak tahun 1982 dan merupakan ketua kampong yang keempat mentadbir kampong ini. Beliau mendapat pendidikan hanya di peringkat sekolah rendah tetapi merupakan seorang yang aktif dan begitu berminat dalam pergerakan politik tempatan. Oleh itu beliau telah dilantik sebagai Pengurus Jawatankuasa UMNO kawasan Kampong Jawa dan kampong sekitarnya.

Sebagai seorang ketua kampong, beliau dipandang tinggi dan dihormati dan telah diberi kepercayaan yang tidak berbelah bahagi. Lantaran itu tidak hairanlah kalau beliau memegang dan diberi kepercayaan untuk mengetuai beberapa jawatan di dalam pentadbiran dan institusi yang ada di kampong tersebut selain daripada Pengurus Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampong (JKKK).

Walaupun beliau memegang banyak jawatan tetapi beliau telah sedaya upaya menunaikan tanggungjawab yang diamanahkan itu dengan baik dan sempurna. Pengkaji mendapati beliau seorang yang berpersonaliti dan mempunyai ciri-ciri seorang pemimpin yang baik. Beliau sentiasa menggunakan diplomasi dalam apa jua masalah yang dihadapi dengan penduduk tempatan. Beliau mempunyai inisiatif yang tinggi dan sentiasa berusaha untuk mengadakan perubahan dan pembangunan kepada kampong. Selain daripada memegang jawatan yang khusus dalam beberapa pertubuhan yang berdaftar beliau juga mempunyai kebolehan memasak di mana beliau sering dijemput menjadi tukang masak di majlis kenduru kahwin. Ini menunjukkan beliau adalah seorang yang serba boleh.

Selain daripada ketua kampong, penghulu juga memainkan peranan yang penting dalam pentadbiran peringkat kampong. Penghulu sudah tentunya terpaksa melibatkan diri dalam semua kampong yang terletak dalam Mukim Endau. Oleh kerana kawasan pentadbirannya adalah luas dan mustahil untuk beliau sentiasa bersama penduduk tempatan. Itulah sebabnya ketua kampong memainkan peranan penting di peringkat kampong.

Imam juga turut memainkan peranan di peringkat kampong.

Di peringkat kampong ini imam sangat dihormati dan disegani. Jika terdapat sebarang masalah mengenai ugama, imam akan menjadi tempat rujukan. Ini adalah kerana beliau mempunyai pengetahuan yang tinggi dalam bidang ugama.

Selain dari itu Wakil Rakyat, guru dan pegawai kerajaan turut memberi sumbangan dalam pentadbiran kampong. Wakil Rakyat akan ditemui untuk mendapatkan jasa baiknya membantu sesuatu projek yang akan dilaksanakan di kampong berkenaan atau jika terdapat sebarang masalah yang sukar dilaksanakan. Wakil Rakyat sendiri juga sering melakukan lawatan untuk meninjau sendiri kemajuan kampong.

Guru pula sememangnya dipandang tinggi oleh masyarakat kampong. Sebarang kegiatan di peringkat kampong yang dijalankan, guru tidak akan ketinggalan. Pegawai kerajaan pula yang banyak terlibat adalah pegawai Jabatan Pertanian dan pegawai dari Pejabat Daerah Rompin, terutamanya Penolong Pegawai Daerah yang selalu dipanggil dalam mesyuarat peringkat kampong seperti mesyuarat Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampong.

Jelasnya pentadbiran di peringkat kampong ini walaupun merupakan tanggungjawab berat dipikul oleh seorang ketua kampong tetapi dengan adanya sokongan dan bantuan yang diberikan oleh semua yang terlibat terutama sokongan yang diberikan oleh penduduk tempatan maka pentadbiran dapat dijalankan dengan licin dan sempurna.

3.6. Kemudahan Sosial

Dari segi kemudahan sosial atau kemudahan asas, walaupun telah diadakan beberapa kemudahan tetapi masih lagi kekurangan beberapa kemudahan yang amat diperlukan. Antaranya menurut kajian yang dilakukan kemudahan seperti talipon, pejabat pos, air paip dan jalan kampong yang sempurna adalah sangat diperlukan.

Jadual III.3

Butir-Butir Pembangunan Kg.Jawa

(Kemudahan Asas)

Jenis	Bilangan	Tahun Dibina
Masjid	1	1964
Surau	2	1969
Tabika	1	1980
Wakil Pos	1	1978
Telefon Awam	1	1979
Balairaya	1	1966
Padang Bola	1	1979
Jalanraya Utama	1	1960
Pejabat Pertanian	1	1975
Letrik		1970

Sumber: Pejabat Daerah Rompin, Bahagian Pembangunan Masyarakat, 1985

Walaupun beberapa kemudahan telah disediakan tetapi masih didapati kurang mencukupi. Balairaya yang disediakan adalah sempit

dan tidak dapat menampung bilangan yang ramai bila diadakan sesuatu perjumpaan. Begitu juga dengan kemudahan telefon awam di mana sukar bagi penduduk tempatan untuk mendapatkan 'line'.

3.6.1. Kemudahan Letrik

Bekalan letrik yang diterima oleh kampong ini adalah untuk 24 jam. Keadaan ini memberi kemudahan kepada penduduk di mana ini membolehkan mereka menggunakan barang elektronik seperti televisyen dan radio, dan juga barang letrik seperti peti ais, periok nasi letrik dan sebagainya bagi mereka yang mampu membelinya.

Walau bagaimanapun masih ada rumah yang tidak mendapat bekalan letrik. Rumah ini menggunakan samada lampu gaselin atau pelita minyak tanah sahaja. Dari soal selidik yang dilakukan 64% responden mendapat bekalan letrik manakala yang selebihnya lampu minyak tanah, bateri atau lampu tekan gas (gaselin) digunakan iaitu 36%.

Jadual III.4

Penggunaan Bekalan Api

Bekalan Api	Bilangan Rumah	Peratus
Letrik	32	64
Generator	0	0
Lampu Tekan Gas	4	8
Lampu Minyak Tanah	13	26
Lain-lain	1	2
Jumlah	50	100

Sumber:
Soal selidik

Rumah yang masih belum mendapat bekalan elektrik adalah disebabkan oleh beberapa faktor. Faktor utama adalah kerana tanah yang mereka duduki itu adalah tanah milik kerajaan. Tanah tersebut diterokai secara haram.

meningginya lebih dari sejen. Maka pun kerajaan memang begitu lama untuk

3.6.2. Bekalan Air

Kampong ini masih belum mendapat bekalan air paip. Sumber air yang utama adalah daripada perigi. Kesemua penduduk kampong ini menggunakan air perigi samada untuk digunakan sebagai air minum, mandi, membasuh atau sebagainya. Adalah dijangkakan kampong ini akan mendapat bekalan air paip dalam Rancangan Malaysia Kelima (1986-1990) yang akan dilancarkan tidak lama lagi.

Walaupun mereka menggunakan air perigi tetapi ini bukanlah merupakan kesukaran bagi mereka kerana sudah biasa dengan keadaan ini. Penggunaan air perigi tidak melibatkan perbelanjaan, oleh itu mereka boleh menggunakan seberapa banyak yang mereka suka.

3.6.3. Pengangkutan

Pengangkutan awam yang utama bagi kampong ini ialah bas dan teksi. Syarikat bas yang menjalankan perkhidmatan di sini ialah Syarikat Ikatan Setia Sendirian Berhad. Penduduk kampong ini menggunakan perkhidmatan bas samada untuk pergi ke bandar Rompin atau bandar Endau.

Walaupun terdapat perkhidmatan bas tetapi penduduk kampong ini masih menghadapi masalah kerana perkhidmatan bas yang dijalankan itu tidak mengikut jadual yang betul. Perjalanan bas sepatutnya sejam sekali tetapi kebiasaan mereka terpaksa menunggu kadang-kadang sehingga lebih dari sejam. Walaupun terpaksa menunggu begitu lama untuk mendapatkan perkhidmatan bas tetapi mereka terpaksa menggunakan kerana mereka tidak mempunyai pilihan lain.

Selain daripada bas, terdapat juga teksi yang menjalankan perkhidmatan tetapi adalah sukar untuk mendapatkan teksi kerana jarang sekali teksi mahu mengambil penumpang di pertengahan jalan. Teksi biasanya memuatkan penumpang penuh di bandar Rompin atau di bandar Endau.

Bagi mereka yang mempunyai kenderaan sendiri terutama sekali motosikal kurang menghadapi masalah pengangkutan. Mereka menggunakan kenderaan sendiri untuk berulangalik ke bandar. Dengan kenderaan sendiri mereka tidak terikat dengan masa yang ditetapkan oleh perkhidmatan bas atau dengan kata lain menjimatkan masa mereka.

Jadual III.5

Kenderaan Ke Bandar

Jenis Kenderaan	Bilangan	Peratus
Bas	27	54
Teksi	-	0
Motosikal	14	28
Basikal & Bas	6	12
Motosikal & Bas	1	2
Kereta	2	4
Jumlah	50	100

Sumber :
Soal Selidik

3.6.3. ~~Taraf hidup~~ Penduduk yang menggunakan perkhidmatan bas merupakan peratus yang tertinggi iaitu 54% (Jadual III.5). Bagi mereka yang mempunyai kenderaan sendiri jarang sekali menggunakan perkhidmatan bas di mana pergerakan mereka lebih bebas dan menjimatkan masa.

3.6.4. Mendapatkan Barang-Barang Keperluan

Barang-barang keperluan harian boleh didapati di kedai yang terdapat di kampong ini. Terdapat lapan buah kedai runcit yang menjalankan perniagaan secara sepenuh masa. Tiga buah kedai letaknya di kampong Serinkin, dua buah di kampong Jawa dan tiga di kampong Sungai Meranti. Perniagaan yang dijalankan ini dapat dikategorikan kepada perniagaan berskala kecil-kecilan. Barang-barang yang dijual tidaklah banyak. Ikan dan sayur-sayuran di bawa oleh penjual daripada bandar Endau dengan menggunakan motosikal.

3.7. ~~Pelajaran~~ Penduduk kampong ini juga sering pergi ke bandar Endau untuk mendapatkan barang keperluan mereka. Ada di antara mereka pergi seminggu sekali ke bandar Endau terutama pada hari Jumaat kerana pada hari itu terdapat 'pasar lambak' di mana mereka boleh membeli berbagai jenis barang atau menjual hasil pertanian yang mereka tanam.

Berbanding dengan bandar Endau, penduduk kampong ini hanya pergi ke bandar Rompin hanya sekiranya terdapat urusan yang berkaitan dengan jabatan-jabatan kerajaan seperti Pejabat Daerah, Lembaga Pertubuhan Peladang, Bank Pertanian dan sebagainya.

3.6.5. Kesihatan

Untuk mendapatkan perkhidmatan kesihatan penduduk kampong ini terpaksa pergi ke Tanjung Gemok yang letaknya lebih 3 batu dari kampong ini. Ini adalah kerana hanya di Tanjung Gemok terdapat Klinik Kecil. Klinik ini di buka pada tiap-tiap hari dan diketuai oleh seorang pembantu hospital (dresser). Doktor dari Hospital Daerah Rompin mengadakan rawatan dua kali seminggu iaitu pada hari Selasa dan Khamis. Jika terdapat kes-kes berat pesakit akan dibawa ke Hospital Daerah Rompin atau ke Hospital Daerah Pekan.

Walau bagaimanapun ada juga penduduk yang mendapatkan rawatan di klinik swasta yang terdapat di bandar Endau dan bandar Rompin. Mereka berpendapat walaupun bayaran dikenakan tetapi perkhidmatan dan ubat yang diberikan adalah lebih baik dan memuaskan.

3.7. Pelajaran

Jadual III.1 di halaman 56 menunjukkan majoriti penduduk kampong ini adalah di peringkat umur persekolahan. Kebanyakan daripada mereka mendapat pendidikan secara formal iaitu di sekolah-sekolah bantuan penuh kerajaan . Sekolah utama ialah Sekolah Rendah Kebangsaan Tanjung Gemok dan Sekolah Menengah Kebangsaan Tanjung Gemok. Walau bagaimanapun terdapat juga di antara mereka yang belajar di sekolah lain terutama di peringkat menengah kerana Sekolah Menengah Kebangsaan Tanjung Gemok hanya mempunyai kelas dalam tingkatan 1 dan 2 sahaja ~~sisebabkan sekolah ini baru sahaja dibuka pada tahun 1984.~~

Jadual III.6

Tingkat Persekolahan Anak-Anak Petani

(Umur Antara 1 Thn - 18 Thn)

Tahap Pelajaran	Bilangan	Peratus
Tadika	5	3.4
Masih Bersekolah (Rendah)	46	31.3
Masih Bersekolah (Menengah)	24	16.3
Tidak Lagi Bersekolah	26	17.7
Belum Bersekolah	45	30.6
Universiti	1	0.7
Jumlah	147	100

Sumber : Dari Soal Selidik

Dari Jadual III.6 menunjukkan bahawa seramai 70 orang atau 47.6% anak-anak petani ini masih lagi bersekolah di peringkat rendah dan menengah. Manakala masih ramai lagi belum bersekolah iaitu 30.6%. Keadaan ini menunjukkan ibubapa terpaksa memberikan perhatian yang berat dan terpaksa bekerja keras untuk menanggung perbelanjaan anak-anak di peringkat ini. Anak-anak yang masih ~~masih~~ bersekolah biasanya memerlukan perbelanjaan harian persekolahan mereka. Hanya seorang sahaja anak kampong ini yang berjaya melanjutkan pelajaran hingga ke Universiti iaitu ke Universiti Cairo di Mesir. Kejayaan ini bolehlah dijadikan 'model' pendorong kepada anak-anak kampong lain untuk berjaya dalam pelajaran mereka.

Pengkaji memilih anak-anak petani yang berumur di antara

1 tahun hingga 18 tahun adalah kerana di peringkat umur begini kebanyakannya

mereka adalah di peringkat alam persekolahan. Peringkat umur di atas daripada 18 tahun biasanya sudah mampu untuk bekerja sendiri, sebagai pembantu ketua keluarga atau berhijrah ke tempat lain untuk mencari pekerjaan seperti ke Singapura.

Tahap pelajaran ibubapa pula adalah rendah. 62% bapa dan 39.6% ibu hanya mendapat pendidikan di peringkat rendah. Ramai daripada ibu tidak bersekolah.

Jadual III.7

Tahap Pelajaran Ibumapa

Tahap Pelajaran	Ibu	%	Bapa	%
Sekolah Rendah	19	39.6	31	62.0
Sekolah Menengah	1	2.1	2	4.0
Tidak Bersekolah	28	58.3	17	34.0
Jumlah	48	100	50	100

Sumber : Dari Soal Selidik

(Bilangan ibu hanya 48 kerana seorang ketua keluarga masih bujang dan seorang duda)

Tahap pendidikan yang rendah tentunya tidak dapat membantu pelajaran anak mereka. Setengahnya buta huruf menyebabkan mereka jarang membeli akhbar atau majalah yang boleh membantu mempertajamkan pemikiran anak-anak . Namun demikian mereka masih memberi dorongan kepada anak-anak mereka supaya belajar bersunguh-sungguh

3.8. Kesimpulan

Apa yang dapat diperhatikan di kampong ini ialah walaupun telah menikmati pembangunan luar bandar tetapi masih terdapat beberapa kekurangan lagi contohnya sistem taliair. Ketiadaan sistem taliair mengurangkan kegiatan pertanian mereka.

Keadaan geografi menunjukkan tanah di kawasan ini adalah sesuai untuk berbagai jenis tanaman. Hanya yang tinggal adalah usaha yang sepatutnya dilakukan oleh petani yang akan dilihat dalam bab IV nanti.

Pelajaran tetap diutamakan oleh petani. Mereka tidak mahu anak mereka meneruskan keadaan yang dialami selama ini. Mereka mempunyai kepercayaan hanya pelajaran yang dapat mengubah keadaan hidup yang sempit itu. Tambahan pula keadaan sekarang yang begitu mementingkan tahap pelajaran untuk menjawat jawatan dalam perkhidmatan kerajaan.

BAB IV

PETANI-PETANI DI KAMPONG JAWA

Sektor	Tan	R	Rawa	R
1	15	30	11	27
2	6	12	8	18
3	1	2	1	2
4	1	2	1	2

4.1. Pendahuluan

Bab ini akan cuba menganalisa beberapa jumpaan yang telah diperolehi oleh pengkaji sewaktu membuat kajian di kampong ini. Pengkaji akan cuba melihat sekitar kehidupan sehari-hari petani, jenis pertanian yang dijalankan, cara penyediaan dan bagaimana proses pengeluaran dilakukan, bermula dari peringkat awal sehingga ke peringkat pengeluaran hasil. Juga akan dilihat pendapatan yang diperolehi dan beberapa perkara lain yang berkaitan dengan kehidupan petani di kampong ini.

4.2. Petani Di Kampong Java

4.2.1. Asal-Usul Keturunan

Semua petani di kampong Java dan kampong sekitarnya berasal daripada daerah yang berlainan. Daripada soal selidik yang dilakukan pengkaji mendapati ramai daripadanya bukan merupakan anak jati Negeri Pahang. Dengan erti kata lain, mereka ini adalah orang yang mendatang dan akhirnya memperolehi tanah di kampong ini dan seterusnya menjadi penduduk tetap kampong ini dan menanamkan taat setia kepada Negeri Pahang.

Jadual IV.1

Asal-Usul Keturunan Ketua Keluarga

Negeri	Ibu	%	Bapa	%
Pahang	15	30	11	22
Johor	6	12	9	18
Kelantan	2	4	2	4
Trengganu	1	2	1	2
Melaka	2	4	-	-
Kedah	15	30	14	28
Perak	2	4	3	6
Pulau Pinang	2	4	3	6
Indonesia	5	10	7	14
Jumlah	<u>50</u>	<u>100</u>	<u>50</u>	<u>100</u>
	—	—	—	—

Sumber : Dari Soal Selidik

Daripada Jadual IV.1 memperlihatkan peratusan yang tinggi adalah berasal daripada luar negeri Pahang di mana 70 peratus bagi wanita dan 78 peratus bagi lelaki. Negeri yang paling tinggi peratusnya adalah daripada negeri Kedah dan negeri Johor.

Peratusan yang tinggi adalah disebabkan penghijrahan masuk ke kampong ini. Ia adalah disebabkan beberapa faktor penarik dan pemolak. Faktor penarik kerana kawasan ini mempunyai potensi yang baik untuk kawasan pertanian dan masih banyak kawasan belum diduduki. Faktor penolak adalah disebabkan oleh faktor penghijrahan itu sendiri yang tidak mempunyai tanah sendiri ditempat asal dan kekurangan tanah ditempat mereka. Faktor lain adalah seperti perkahwinan dan sebagainya.

4.2.2. Sikap dan Kepercayaan

Secara mutlak adalah sukar untuk menentukan sikap seseorang itu, tetapi melalui soal selidik yang dilakukan pengkaji dapat membuat rumusan bahawa petani di kampung ini banyak mempunyai persamaan sikap. Mereka seolah-olah menerima sahaja keadaan hidup yang mereka alami sekama ini. Mereka mempercayai segala sesuatu itu adalah pementuan dari Allah. Walau bagaimanapun mereka tetap berikhtiar untuk memperbaiki lagi keadaan hidup mereka.

Sikap petani di kampung ini boleh dilihat dengan jelas apabila pengkaji bertanyakan mengenai cita-cita untuk memukar pekerjaan yang ada sekarang kepada pekerjaan atau bidang lain. Kebanyakan daripada mereka mengatakan ingin bertukar pekerjaan tetapi masih mempunyai kaitan dengan pertanian.

Jadual IV.2

Cita-Cita Memukar Pekerjaan

Jenis \ Sektor	Pertanian	Felda	Perniagaan	Kerajaan	Lain-Lain	Tidak
Persawahan	11	-	-	-	-	-
Pemeroka	-	7	-	-	-	-
Runcit/Makanan	-	-	3	-	-	-
Foreman	-	-	-	-	1	-
Pertukangan	-	-	-	-	1	-
Pertanian & Penternakan	1	-	-	-	-	-
Tidak	-	-	-	-	-	26
Jumlah	12	7	3	-	2	26=50
Peratus	24	14	6	-	4	52=100

Jadual IV.2 menunjukkan lebih separuh daripada petani yang disoal selidik tidak mahu menukar pekerjaan yang mereka lakukan selama ini. Hanya 10 peratus sahaja mempunyai cita-cita untuk menukar pekerjaan sekarang kepada pekerjaan yang benar-benar tiada kaitan dengan pertanian.

Peratus yang terlalu kecil dikalangan petani yang sanggup menukar pekerjaan mereka kepada bidang yang tiada langsung kaitannya dengan pertanian adalah disebabkan mereka merasakan sudah tidak mempunyai masa depan yang baik selain dari bidang pertanian. Juga adalah disebabkan mereka merasakan sektor pertanian walaupun tidak memberikan pendapatan yang lumayan tetapi masih dapat menampung keperluan harian. Ini ditambah pula sektor perniagaan dan industri memerlukan modal yang banyak untuk menjalankannya. Petani juga tidak mempunyai pengalaman untuk bergiat di sektor selain daripada pertanian.

Dari segi kepercayaan pula mereka tidaklah hanya menerima sahaja apa yang diterangkan oleh imam, malah mereka akan bertanyakan imam mengenai masalah agama yang kurang difahami terutama mengenai kehidupan dan amalan harian. Imam mengajar di Mesjid Kampong Jawa pada tiap-tiap malam Isnin dan Khamis. Apabila menyambut sesuatu peringatan seperti sambutan Awal Muharram atau Malam Israk Mikraj mereka akan menjemput penceramah dari luar.

4.2.3. Pekerjaan

Senahagian besar dari usaha menanam padi di kampung ini merupakan kegiatan ekonomi yang dilakukan secara tetap. Penanaman padi merupakan pekerjaan utama.

Jadual IV.3

Pekerjaan (Tetap/Sambilan) Sebagai Pesawah

Jenis Pekerjaan	Sawah Padi (Tetap) (%)	Sawah Padi (Sambilan) (%)	Tiada Kaitan Dengan Sawah Padi (%)
Pesawah Padi	62	-	-
Nelayan	-	2	-
Peniaga	-	-	2
Pekebum Kecil	-	6	14
Mengambil Upah	-	2	6
Lain-Lain	-	-	6
Jumlah	<u>62</u>	<u>10</u>	<u>28</u>

Dari Soal Selidik

Dari data yang diperolehi menunjukkan bahawa 72 peratus

mengusahakan tanaman padi di mana 10 peratus daripadanya mengusahakan secara sambilan. Penanaman padi yang dilakukan secara sambilan disebabkan hasil yang akan diperolehi hanya digunakan untuk keperluan sendiri dan pekerjaan utama mereka sebagai pekebum kecil mendatangkan hasil yang lebih baik.

4.3. Jenis Tanaman dan Cara Penyediaan

Tanaman utama ialah padi dan koko merupakan tanaman kedua terpenting dan ditanam sebagai tanaman selingan bersama dengan kelapa. Tanaman lain yang diusahaikan termasuklah tembakau, jagung, pisang, sayur-sayuran dan lain-lain. Tanaman seperti tembakau dan jagung ditanam selepas kerja-kerja penuaian padi.

Di sini pengkaji hanya akan membincangkan dua jenis tanaman sahaja iaitu padi dan koko. 62 peratus daripada petani di sini menjadikan tanaman padi sebagai kerja tetap manakala 14 peratus menjadi pekebum kecil dengan tanaman koko dan kelapa.

4.4. Padi

4.4.1. Menyediakan Sawah Padi

Peringkat ini merupakan peringkat pertama di mana tanah sawah dibersihkan. Setelah selesai kerja membajak dijalankan. Biasanya kerja membajak dijalankan sebanyak dua kali. Kali pertama menggunakan mata kasar dan kali kedua menggunakan mata halus. Dua kali bajak sudah memadai kerana tanah adalah jenis tanah gembur kerana sentiasa dikerjakan.

Dari soal selidik didapati 89 peratus petani mengerjakan sawah menggunakan perkhidmatan jentera pembajak. Penggunaan pembajak membolehkan kerja dilakukan lebih cepat dan mudah. Bagi tiap kali membajak bayaran yang dikenakan ialah sebanyak \$40.00 seekar. Disebabkan kekurangan mesin membajak yang disediakan oleh Pejabat Pertanian, ini memberikan

kesempatan kepada orang perseorangan untuk menjalankan kerja pembajakan dengan jentera sendiri dan dikenakan bayaran sebanyak \$50.00 seekar.

Malang, akhir akhir ini sawah-sawah dibajak.

Terdapat juga petani yang tidak menggunakan jentera pembajak iaitu sebanyak 11 peratus. Jentera pembajak tidak dapat digunakan di kawasan yang terpencil dan sukar dimasuki. Luas sawah yang kecil juga tidak ekonomik untuk menggunakan jentera pembajak. Di kawasan ini biasanya petani hanya menggunakan cangkul sahaja.

Thus hasil kerja manusia ini tidak selalu sama. Selain itu juga, pada

4.4.2. Semaian

Menyemai benih padi dilakukan serentak dengan kerja membajak. Ini dilakukan adalah untuk menyesuaikan masa di antara anak padi yang cukup besar untuk diubah dengan peringkat terakhir pekerjaan menajak dan membersihkan sawah dijalankan.

Pemilihan jenis benih padi yang akan ditanam bergantung kepada beberapa faktor. Antara faktor itu adalah seperti jenis yang boleh mengeluarkan hasil yang tinggi, masa pemanaman yang singkat, penjagaan yang mudah, jenis yang mudah dipasaran seperti yang disyorkan oleh kerajaan, dan jenis yang tahan ancaman.

Antara jenis padi yang biasa ditanam ialah kadaria, 3x, mat candu, mahsuri, seribu gantang, MR 72 dan padi pulut. Jenis yang paling disukai ialah mahsuri. Ini adalah kerana berasnya lembut, mui apabila di masak dan rasanya lebih sedap dari jenis yang lain.¹ Jenis mat candu

Malang. Jumlah semaiannya adalah, diturunkan kepada sekitar 2000000000 biji perhektar tanah sejeli tanah la jatuh.

dan kadaria juga banyak ditanam kerana jenis mat candu pokoknya tahan dari ancaman musuh manakala jenis kadaria buahnya baik, pokoknya lebih tinggi, oleh itu ia senang untuk dibanting.

4.4.3. Mengubah

Mengubah memerlukan kerajinan dan ketekunan untuk memindahkan tiap dua batang anak padi² dengan jarak satu kaki persegi. Upah bagi kerja mengubah ini ialah \$100.00 seekar. Oleh itu hanya petani yang berkemampuan sahaja yang dapat atau mahu mengupahnya. Walau bagaimanapun, kebanyakannya mereka mengubahnya sendiri dengan bantuan keluarga. Pekerjaan mengubah menyebabkan anak benih tergencat dan mengambil masa 2-4 hari sebelum akar yang baru keluar.³

Ada juga di kalangan petani yang menjalankan tanaman terus padi iaitu satu amalan tanaman di mana biji padi ditabur terus ke sawah. Biji benih akan bercambah, dijaga sehingga pokoknya besar dan matang. Dengan amalan tanaman terus, pengubahan anak semaiam padi tidak perlu. Walau bagaimanapun cara penanaman begini banyak risikonya apabila hujan turun berpanjangan dan menyebabkan air berlebihan. Juga benih padi akan terdedah kepada burung dan serangan serangga yang boleh merosakan benih.

Setelah anak padi diubah ke bendang, pembajaan adalah perlu untuk menyuburkan padi. Begitu juga dalam amalan tanaman terus, kadar dan masa pembajaan adalah penting untuk menentukan mutu hasilnya.³⁺ Peringkat menabur baja seperti dalam amalan biasa ialah antara 1 minggu hingga 3 minggu selepas mengubah, ditaburkan dengan baja urea. Setelah 90 peratus pokok padi mengeluarkan bunga sekali lagi ia perlukan

pembajaan. Pembajaan bagi tanaman terus mengikut Jabatan Pertanian ialah 15 hari selepas ditanam, ditabur dengan baja asas (campuran). Kemudian 35 hari selepas ditanam baja pula dengan baja urea. Dan pembajaan dilakukan sebanyak dua kali lagi sebelum hari penuaian.

Sawah perlu dibersih sebelum dibaja. Ini kerana rumpai akan bertambah dengan penambahan baja. Rumpai yang subur memberi saingan yang hebat pada pokok padi. Perhatian juga harus diberikan terhadap musuh dan perosak padi seperti tikus, burung, ulat batang dan ulat daun. Untuk serangan musuh dan perosak pokok, bahan kimia digunakan.⁴

4.4.4. Menuai

Ini merupakan peringkat terakhir. Pamaian padi di kawasan ini dilakukan awal Februari hingga Mac/April. Pada bulan ini cuaca mulai panas dan sawah mulai kering dengan sendirinya.

Penuaian dilakukan dengan menggunakan sabit. Walau bagaimanapun ada juga yang masih menggunakan alat tusi. Penggunaan sabit lebih cepat. Pokok padi kemudiannya akan dibanting untuk mendapatkan bijinya sahaja. Batang padi dibanting di dalam tong yang berukuran 4 kaki persegi dan mempunyai layar di hadapannya. Layar bertujuan untuk menahan biji dari bertaburan.

Selepas proses membanting, dilakukan pula proses mengangin padi. Padi yang sudah diasingkan dari hampas ini akan dimasukan dalam guni. Sebelum dijual atau dimesin, padi beberapa kali dijemur di tengah panas.

4.5. Koko

4.5.1. Cara Penanaman.

Jenis tanaman ditanam bersama-sama dengan tanaman buah-buahan lain-lain seperti buah naga dan labu-labu.

Koko telah diletakkan sebagai tanaman yang ketiga pentingnya di Negeri Pahang, di samping getah dan kelapa sawit.⁵ Oleh itu Kerajaan Negeri telah memberikan perhatian yang lebih ke arah meningkatkan penanaman koko di negeri ini.

Koko biasanya ditanam dikebun kelapa atau kebun buah-buahan kerana ia memerlukan 60 peratus hingga 80 peratus naungan. Anak-benih dalam plastik ditanam ke ladang bila berumur 3-4 bulan. Koko digalakan ditanam daripada biji dengan syarat biji benih didapati daripada baka utama atau yang terbaik.

Keluasan lubang untuk menanam koko ialah 2 kaki x 2 kaki x 1 kaki. Jarak yang baik untuk menanam di bawah kebun kelapa dan buah-buahan ialah 10 kaki x 10 kaki dengan kadar 435 pokok untuk tiap seekar. Walau bagaimanapun lain-lain jarak yang ada juga boleh diamalkan iaitu 12 kaki x 12 kaki dengan kadar 302 pokok seekar atau dengan jarak 8 kaki x 8 kaki dengan kadar 680 pokok seekar.⁶

4.5.2. Jenis-jenis dan Penanaman

Terdapat empat jenis baka yang diketahui iaitu :-

1. Criollo

Pembesaran bagi pokok koko menggunakan jarak tanam yang agak

2. West African Amelonado

bentuk pokok koko dilanjut,

3. Upper Amazon

Jarak TV.4

4. Trinitario.⁷

Pembesaran ke nilai pokok tanam

6, 12, 18 bulan — 4 m

12, 18 bulan — 6 m

Bentuk pokok pertumbuhan

Walau bagaimanapun kebanyakannya jenis yang ditanam di kawasan ini ialah dari jenis kacukan daripada jenis yang disebutkan seperti Sabah Hybrid dan lain-lain hybrid yang dikeluarkan oleh pihak Mardi.

Jenis tanah yang sesuai di Negeri Pahang untuk tanaman koko ialah seperti berikut:-

1. Rengam Siri - Banyak terdapat di daerah Maran dan sebagai sebahagian besar di kawasan Pahang Barat seperti Bentong
2. Bungor Siri - Maran dan Paya Bungor.
3. Jerangau Siri - Lancang, Temerloh dan Bukit Ibum
4. Muncong Siri - Jerantut dan Jengka
5. Rompin Siri - Sekitar Rompin
6. Briah Siri - Endau dan Rompin.

Tanah yang sesuai dengan tanaman koko seperti yang telah ditentukan oleh Jabatan Pertanian Negeri Pahang itu memang terdapat di kawasan ini. Itulah sebabnya tanaman koko dapat hidup subur dan memberikan hasil yang agak lumayan kepada penanamnya.

4.5.2. Pembajaan dan Penjagaan

Pembajaan bagi pokok koko mempunyai jarak masa yang agak lama iaitu 6 bulan sekali barulah pokok koko dibaja.

Jadual IV.4

Pembajaan Ke atas Pokok Koko

6, 12, 18 bulan	- 4 aun	
24, 30 bulan	- 6 aun	Sumber: Jabatan pertanian

Bagi pokok koko baja tidak ditaburkan dipangkal pokok tetapi baja ditabur di antara satu pokok dengan satu pokok disekelilingnya dengan jarak lebih kurang 2 kaki dari pokok. Daun koko dan kelapa juga boleh dijadikan baja tambahan di mana daun ini dilonggokkan di antara pokok koko.

2. Gendawan

Tetali salat putin yang dilihui

Perluasan

terhadap disayang buah hasil.

Untuk mendapatkan tinggi pokok yang sesuai dan elok iaitu di antara 4 kaki hingga 6 kaki cantasan digalakan dan dikenali sebagai cantasan pembentukan. Cantasan pengawalan bertujuan untuk menghadkan dahan kipas supaya terbentuk 3 hingga 4 cabang sahaja. Cantasan ini juga bertujuan untuk membuang tunas yang tumbuh dipangkal dahan kipas dan membuang dahan yang berlapis untuk mendapatkan cahaya matahari secukupnya.

4.5.3. Kewajipan Kawalan Serangga

Pokok koko juga perlukan penjagaan kerana selalu terdedah kepada serangan serangga perosak dan serangan penyakit. Menurut Jabatan Pertanian, terdapat beberapa jenis serangga perosak dan penyakit antaranya:

Serangga Perosak

Kawalan

1. Belalang Apogonia, Sembur dengan 'lead Arsenate'

Memakan daun jika serangan yang teruk.

2. Kepindang Merosakkan pucuk muda dan

Penghisap tangkai. Sembur 'Dieldrin'

atau 'Trichlorphon'.

3. Pengorek Suntik dengan 'dichlorobenzene'

Batang ke dalam lubang pengorek.

<u>Penyakit</u>	<u>Kawalan</u>
1. a. Akar Merah	Pokok yang diserang akan mati dengan
b. Akar Putih	tiba-tiba dan hendaklah ditebang dan
c. Akar Perang	dibuang akar-akarnya sekali.
2. Cendawan Berbenang (Thread blight)	Tetali kulat putih senang dilihat terhampar disepanjang dahan kecil. Boleh menyebabkan pokok mati. Bahagian yang terlibat dipotong dan dibakar
3. Reput Buah	Disebabkan kulat dan cendawan Buah disembur dengan racun oendawan. Buah reput dibakar. ⁹

4.5.3. Memungut, Penapaian dan Mengering

Pokok koko mulai mengeluarkan buah apabila berumur 5 tahun. Buah koko boleh dipetik apabila kulitnya berwarna kekuning-kuningan. Buah yang betul-betul masak dipungut selang 2 atau 3 minggu sekali. Memungut dilakukan sendiri oleh petani. Buah yang masak dikumpulkan di satu tempat untuk proses mengasingkan isi koko dengan kulit. Biji koko yang masak dan masih basah diperam di dalam tong khas. Dibahagian bawah tong ini dibuat lubang supaya peluh biji koko mudah mengalir. Tong itu kemudian ditutup dengan daun pisang dan diperam selama 2 hari.

Setelah dua hari diperam, biji ini digaul rata dan daun pisang sebelumnya ditukar kepada daun pisang yang baru. Proses ini diulang untuk selama 7 hingga 8 hari. Setelah seminggu diperam barulah ia dikeluarkan untuk dijemur selama 3 jam dihari pertama. Hari berikutnya

biji koko dijemur lagi hingga kandungan kelembapannya menjadi 6 peratus hingga 7 peratus. Sekiranya cuaca benar-benar panas, biji koko boleh kering hanya memakan masa 3 hari sahaja. Jemuran koko berbentuk seperti pangkin dengan berlantaikan dawai bermata halus.

4.6. Keluasan Kawasan Tanaman

Dari kajian yang dijalankan keluasan kawasan yang dijadikan kawasan untuk satu-satu jenis tanaman tidak ekonomik. Dengan erti kata keluasan tanaman seperti sawah padi hanya dapat mengeluarkan hasil yang rendah. Walaupun koko, tembakau, jagung, hasilnya adalah untuk dijual tetapi keluasannya juga tidak ekonomik.

Jadual IV.5

Keluasan Penggunaan Tanah

Luas (ekar)	Keluasan Tanah Yang Dikerjakan (%)	Keluasan Tanah Yang digunakan (%)	Keluasan Tidak Dikerjakan (%)
½ - 1	10	8	4
1½ - 2	20	28	2
2½ - 3	44	38	-
3½ - 4	8	6	-
4½ - 5	2	4	-
5½ - 6	10	8	-
6 ke atas	6	2	-
Jumlah	100	94	6

Jadual IV.6
Hitung Panjang Keluasan Sawah

Luas (ekar)	Tanah Sendiri (%)	Tanah Kerajaan (%)	Sewa (%)	Tumpang (%)
$\frac{1}{2}$	2	2	-	-
1	14	-	-	-
$1\frac{1}{2}$	-	-	-	2
2	16	10	4	2
$2\frac{1}{2}$	-	-	-	-
3	10	4	-	-
3 ke atas	4	-	2	-
Jumlah	46	16	6	4

Sumber : Dari Soal Selidik

Jadual IV.7

Hitung Panjang Keluasan Koko Dan Kelapa

Luas (ekar)	Kelapa & Koko (%)	Kelapa (%)
$\frac{1}{2}$	-	-
1	-	6
$1\frac{1}{2}$	-	-
2	10	6
$2\frac{1}{2}$	-	-
3	14	-
$3\frac{1}{2}$	-	-
4 ke atas	4	-
Jumlah	28	12

Sumber : Dari Soal Selidik.

Dari data yang diperolehi (Jadual IV.5) menunjukkan 94 peratus tanah di kawasan ini digunakan untuk pertanian. Purata keluasan tanah yang digunakan ialah antara $1\frac{1}{2}$ ekar hingga 3 ekar. Ini menunjukkan keluasan tanah yang digunakan adalah tidak ekonomik.

Dilihat pula keluasan tanah yang digunakan untuk kegiatan menanam padi (Jadual IV.6), purata penggunaan tanah ialah seluas 1 ekar hingga 2 ekar. Keluasan begini juga tidak ekonomik dan hasilnya hanya cukup untuk kegunaan sendiri sahaja. Terdapat 16 peratus petani di kawasan ini menjalankan kegiatan persawahan ditanah kerajaan. Kawasan penerokaan ialah di kawasan tepi pantai dan purata keluasan yang diterokai ialah seluas 3 ekar.

Tidak ramai petani yang menyewa tanah untuk menanam padi walaupun kadar sewa yang dikenakan ialah \$50.00 seekar. Ini kerana motif utama mereka bukan untuk tujuan komersil tetapi kebanyakannya untuk kegunaan sendiri. Tambahan pula ada yang dibenarkan menumpang di tanah saudara mara. Keluasan yang dignakan adalah antara $1\frac{1}{2}$ ekar hingga 2 ekar.

Keluasan tanah yang tidak ekonomik tentunya tidak menggalakan penggunaan teknologi moden. Corak ekonomi saradiri mempengaruhi ketidakpesatan perkembangan penggunaan teknologi moden di mana petani tidak mempunyai kecenderungan yang lebih untuk meninggikan pendapatan mereka. Penggunaan racun serangga dan baja pula sekiranya tidak mengikut peraturan dengan betul tidak akan memberikan kesan yang baik. Ini dibuktikan sewaktu kajian dilakukan petani menghadapi masalah serangan tikus.

Masih kurang lagi petani yang melibatkan diri dalam penanaman koko. Ini ditunjukkan oleh Jadual IV.7 di mana purata keluasan tanah yang digunakan adalah di antara 2 ekar hingga 4 ekar sahaja. Data menunjukkan hanya 28 peratus sahaja daripada petani di kawasan ini yang menanam koko sebagai selingan bersama pokok kelapa. Sekarang beberapa orang petani mulai menanam koko terutama di kawasan Projek Kampong Contoh Sungai Meranti yang mana kawasan ini akan dibangunkan dengan tanaman koko sebagai tanaman selingan kepada kelapa di samping tanaman lain.¹⁰

Jadual IV.8

Hasil Pendapatan Padi dan (koko dan Kelapa)(semusim/setahun)

Jumlah	Pendapatan Padi (%)	Pendapatan Koko & Kelapa (%)
\$50 - \$100	4	-
\$101 - \$200	4	4
\$201 - \$300	12	4
\$301 - \$400	16	2
\$401 - \$500	10	-
\$501 - \$600	6	4
\$601 - \$700	4	2
\$701 - \$800	2	2
\$801 ke atas	14	16
Jumlah	72	34

Sumber : Dari Soal Selidik

Jadual IV.8

Kos Untuk Padi dan (Koko dan Kelapa)(semusim/setahun)

Jumlah	Kos Untuk Padi (%)	Kos Koko dan Kelapa (%)
\$50 - \$100	18	18
\$100 - \$200	24	10
\$201 - \$300	16	2
\$301 - \$400	-	-
\$401 - \$500	4	6
\$501 - \$600	-	2
\$601 - \$700	2	-
\$701 - \$800	2	-
\$801 ke atas	2	-
Jumlah	72	40

Sumber : Dari Soal Selidik

Daripada Jadual IV.3, 62 peratus daripada petani di sini

adalah terlibat dengan pertanian iaitu penanaman padi sebagai pekerjaan tetap. Manakala 40 peratus terlibat dengan tanaman koko dan kelapa di mana 14 peratus menjadikan koko dan kelapa sebagai pekerjaan utama dengan tidak melibatkan tanaman padi manakala 6 peratus walaupun koko dan kelapa menjadi pekerjaan utama tetapi penanaman padi dijadikan pekerjaan sambilan. Walau bagaimanapun hanya 34 peratus sahaja yang terlibat memperolehi hasil daripada koko dan kelapa atau kelapa sahaja kerana 6 peratus lagi tanaman mereka masih belum mengeluarkan hasil.

Walaupun daripada Jadual IV.8 data menunjukkan kesemua petani yang terlibat mendapat hasil daripada tanaman padi tetapi realitinya pendapatan yang diperolehi ini adalah sekiranya mereka menjual hasil padi mereka. Hanya 26 peratus sahaja daripada petani yang menjual hasil padi mereka dengan pendapatan di antara \$500.00 hingga \$500.00 ke atas. 46 peratus lagi tidak menjual hasilnya. Pada tahun ini hasil padi adalah berkurangan kerana banyak padi dimusnahkan oleh tikus dan hasil hanya cukup untuk kegunaan sendiri sahaja.

Jika dilihat pula kepada pendapatan yang diperolehi daripada hasil koko dan kelapa atau kelapa sahaja, pendapatan tahunannya lebih baik daripada padi. 16 peratus memperolehi pendapatan tahunan melebihi \$800.00. Koko adalah 100 peratus untuk jualan. Kos yang terlibat untuk penanaman koko dan kelapa agak rendah (Jadual IV.9). Purata kos yang terlibat adalah di bawah \$200.00. Ini kerana mereka mendapat subsidi baja, benih dan racun kerana mereka merupakan penanam koko peringkat awal. Perbelanjaan hanyalah untuk membeli barang-barang lain.

Dengan pendapatan yang agak baik daripada hasil koko sudah sewajarlah petani di kawasan ini melibatkan diri dengan penanaman koko sebagai selingan kepada kelapa atau tanaman lain. Kawasan yang masih kosong boleh dijadikan kebun koko. Apa yang penting di sini ialah petani perlu didedahkan dan ditunjuk ajar cara penanaman dan penjagaan yang sempurna supaya hasil yang diperolehi adalah baik.

4.7. Pemasaran

4.7.1. Padi

Terlalu sedikit bilangan petani yang dikaji menjual hasil padi mereka. Hanya 26 peratus sahaja yang menjual hasil padi mereka. Padi bukan sahaja untuk keperluan semasa tetapi juga untuk keperluan masa depan terutama di masa kecemasan. Faktor ini diperkuatkan dengan keluasan kawasan yang digunakan.

Penjualan padi bergantung kepada hasil yang diperolehi pada musim tersebut. Bagi tahun ini hasil yang diperolehi adalah rendah disebabkan serangan tikus. Pendapatan yang diperolehi dari penjualan ini digunakan untuk membayar hutang baja, racun dan membeli barang keperluan lain. Seterusnya ia digunakan sebagai cash money dan sedikit disimpan untuk penanaman akan datang.

Padi di kawasan ini dijual kepada Syarikat Tuan Haji Yahya Bongsu yang telah diberi lesen oleh Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN). Syarikat ini terletak di Kampong Jawa. Syarikat ini bukan sahaja membeli padi tetapi juga menerima hasil padi untuk diproses menjadi beras. LPN telah menetapkan harga belian padi samada daripada petani atau pelesen dengan harga seperti berikut :-

(1) \$49.61 bagi setiap 100 kilogram padi kelas panjang.

(2) \$46.30 bagi setiap 100 kilogram padi kelas sederhana.¹¹

Padi yang dibeli di bawa ke kilang LPN di Muar, Johor kerana kawasan ini amnya dan Negeri Pahang khasnya tiada kilang LPN.

Disebabkan terpaksa menanggung kos pengangkutan yang agak tinggi, pembeli padi terpaksa mengambil sebahagian daripada pendapatan petani iaitu antara \$3.80 hingga \$5.50 bagi 100 kilogram padi bergantung kepada jauhnya tempat atau kilang.

4.7.2. Koko

Walaupun keluasan yang digunakan untuk penanaman koko adalah di antara 2 ekar hingga 4 ekar lebih, 16 peratus memperolehi pendapatan melebihi \$800.00 setahun. Walau bagaimanapun pendapatan ini adalah tidak menentu. Biji koko hanya akan dijual apabila iaanya benar-benar kering.

Petani menjual biji koko kepada FAMA^{11t}. Petani biasanya membawa sendiri biji koko ke pejabat FAMA yang terletak di bandar Rompin iaitu kira-kira 20km dari kawasan ini. Sekarang pihak FAMA telah mengeluarkan lesen kepada tiga orang penduduk kampong ini untuk membeli biji koko. Pihak FAMA telah menetapkan harga koko mengikut gred-gred yang tertentu. Gred-gred tersebut ialah gred SMC-1A, SMC-1B, SMC-1C, SMC-2A, SMC-2B, dan SMC-2C dan sub-standard. Harga bagi kawasan ini adalah mengikut harga di kawasan Batu Pahat, Johor. Biji koko yang dibeli dihantar ke pusat mengred koko di Lancang, Pahang.

Hasil pertanian lain seperti sayur-sayuran dan jagung dijual sendiri oleh petani samada di bandar Endau atau menjualnya di pondok kecil ditepi jalan. Manakala tembakau dijual kepada pengawet tembakau dan kelapa dijual kepada FAMA atau pemborong.

4.8. Pendapatan dan Perbelanjaan

Pendapatan bulahan yang diperolehi oleh petani adalah rendah dan adakalanya perbelanjaan bulanan terutamanya perbelanjaan makan dan minum keluarga melebihi pendapatan yang diperolehi. Pendapatan yang rendah adalah disebabkan oleh beberapa faktor terutama sekali pekerjaan. Pekerjaan yang dilakukan ini boleh mendatangkan pendapatan yang baik tetapi apabila dikerjakan dengan keluasan yang tidak ekonomik dan ketiadaan kemudahan asas seperti talair, maka tentunya hasil yang diperolehi adalah rendah.

Jadual IV.10

Pendapatan Dan Perbelanjaan (Makan Minum)

Pendapatan (Bulanan)	Bil.	%	Perbelanjaan (Makan Minum)	Bil.	%
\$50 ke bawah	-	-	\$50 ke bawah	-	-
\$51 - \$100	4	8	\$51 - \$100	12	24
\$101 - \$150	7	14	\$101 - \$150	14	28
\$151 - \$200	19	38	\$151 - \$200	12	24
\$201 - \$250	5	10	\$201 - \$250	8	16
\$251 - \$300	7	14	\$251 - \$300	4	8
\$301 - \$350	3	6	\$301 - \$350	-	-
\$351 - \$400	2	4	\$351 - \$400	-	-
\$401 - \$450	1	2	\$401 - \$450	-	-
\$451 - \$500	2	4	\$451 - \$500	-	-
\$500 ke atas	-	-	\$500 ke atas	-	-
Jumlah	50	100		50	100

Sumber : Dari Soal Selidik

Jadual IV.10 menunjukkan peratus pendapatan yang paling tinggi diterima oleh petani adalah di antara \$151.00 hingga \$200.00 sebulan iaitu sebanyak 38%. Walaupun pendapatan purata melebihi perbelanjaan bulanan tetapi lebihan itu tidaklah banyak. Malah ada diantaramya perbelanjaan makan dan minum melebihi pendapatan yang diterima.

Jika mengikut pada garis kemiskinan yang dikemukakan oleh SERU yang menetapkan pendapatan di bawah \$384.00 sebulan adalah tergolong dalam golongan miskin maka hanya 10% sahaja petani di kawasan ini yang mengatasi garis kemiskinan tersebut, manakala 90% terletak di bawah garis kemiskinan. Ini bermakna petani di kawasan ini masih berada dalam kemiskinan.

Pendapatan yang rendah tentunya tidak menggalakan petani untuk menyimpan dan kalau pun ada simpanan tetapi kadarnya adalah sedikit sahaja. Biasanya jika terdapat lebihan mereka akan menyimpannya sendiri untuk dijadikan cash money.

Jadual IV.11

Simpanan Di Bank-Bank

Jumlah	Bil.	%
\$100 ke bawah	1	2
\$101 - \$300	3	6
\$301 - \$500	-	-
\$501 - \$700	-	-
\$701 - \$900	-	-
\$1000 ke atas	3	6
Jumlah	7	14

Daripada 50 responden yang dikaji, hanya 7 orang sahaja responden atau 14% mempunyai simpanan di bank. Simpanan di buat di bank seperti Bank Pertanian, Malayan Banking dan Bank Simpanan Nasional. Walaupun ada petani yang mempunyai simpanan melebihi \$1000.00 tetapi wang simpanan tersebut adalah wang sewaktu mereka mempunyai kerja tetap. Wang ini adalah penting bagi mereka sebelum mereka berjaya menjadi seorang petani.

Disebabkan pendapatan yang rendah dan ketiadaan simpanan di bank, jumlah petani yang membuat pinjaman juga rendah. Petani mungkin takut tidak dapat membuat bayaran balik sekiranya mereka membuat pinjaman. Faktor lain yang turut mempengaruhi kadar pinjaman yang rendah ialah keluasan tanah yang dikerjakan adalah kecil. Disamping itu beberapa syarat yang dikenakan untuk sesuatu pinjaman membuatkan petani kurang faham dan kurang berminat untuk membuat pinjaman.

Jadual IV.12

Kadar Pinjaman Dan Kegunaan

Kegunaan Pinjaman	Pertanian	Lain-Lain
\$100 - \$500	1(2%)	-
\$501 - \$1000	-	-
\$1001 - \$1500	-	1(2%)
\$1501 - \$2000	4(8%)	-
\$2000 ke atas	1(2%)	1(2%)
Jumlah	<u>6(12%)</u>	<u>2(4%)</u>

Daripada 16% pinjaman yang dibuat, 12% daripadanya adalah pinjaman daripada Bank Pertanian, manakala 4% lagi adalah pinjaman daripada saudara mara. 12% daripada pinjaman yang dibuat itu adalah untuk kegiatan pertanian dan 4% adalah digunakan untuk pelajaran anak di peringkat pengajian tinggi dan pinjaman membeli bot nelayan.

Ada juga dikalangan petani yang mendapat kiriman wang daripada anak mereka yang bekerja di luar kampong. Walau bagaimanapun peratus yang mendapat kiriman wang ini adalah kecil dan purata menerima kiriman bulanan sebanyak \$50.000.

Jadual IV.13

Kiriman Wang Dari Anak

Jumlah	Bil.	%
\$50 ke bawah	6	12
\$51 - \$100	1	2
\$101 - \$150	-	-
\$150 ke atas	-	-
 Jumlah	 7	 14

Sumber : Dari Soal Selidik

Hanya 14% sahaja yang menerima kiriman wang daripada anak-anak. Peratus kiriman wang yang rendah kerana pendapatan yang diterima adalah rendah setaraf dengan kelulusan yang mereka ada.

4.9. Kesimpulan

1. Ciri khas pengeluaran peti untuk kegunaan sendiri dan bukan untuk dijual, petani Daripada apa yang dapat diperhatikan, taraf sosio-ekonomi petani di kawasan ini masih lagi rendah. Beberapa masalah yang mereka hadapi telah mempengaruhi kegiatan pertanian mereka (akan dibincangkan dalam bab v nanti). Bagi petani yang mengusahakan lebih daripada satu jenis tanaman, pendapatan yang diperolehi dapat menekuk tambahan pendapatan yang sedia ada.

Risal Kedua, Februari 1981. Hal.41

2. Analisis Analisa Tanaman Terhad Padi, Jabatan Perkembangan Pertanian, Malaysia, (Risalih), Januari 1984.
3. Analisis analisa dan disainalan oleh Lebaga Kertulahan Palangkaraya, Dinas Rengas, dengan perihalatan seputar harganya.
4. Hajib Tun Abd. Razak (Menteri Pertanian), Konvensyen URNO rehong Sept. 1985, Hal. 56.
5. Jabatan Perkembangan Pertanian, 1979.
6. Keb. Jabatan Perkembangan Pertanian, 1979 (Risalih)
7. Ibid, 1979
8. Jabatan Perkembangan Segerai Pahang, 1979
9. Risal Kedua Kedua Kedua, Februari 1981. Hal. 2/84, 23hb.Mac, 1984.
10. Risal Kedua Kedua Kedua, Februari 1981. Hal. 2/84, 23hb.Mac, 1984.
11. Lebaga Padi dan Beras Tegakan, Konvensyen URNO Segerai Pahang, Sept. 1985, Hal.4
12. Zuria - Lebaga Penanaman dan Pertanian Persekutuan

Nota Rujukan.

1. Oleh kerana penanaman padi untuk kegunaan sendiri dan bukan untuk dijual, petani lebih pentingkan rasa dari pendapatan yang tinggi.
2. Dua batang anak padi dipindahkan dengan tujuan apabila 1 batang dari anak padi tersebut mati, akan ada penggantinya. Ini bagi memastikan tiap-tiap jarak penanaman yang telah ditentukan tidak kosong.
3. Panduan Penanaman Padi, Jabatan Pertanian Semenanjung Malaysia,
Edisi Kedua, Februari 1981. Hal.41
- 4t. Amalan-Amalan Tanaman Terus Padi, Jabatan Pertanian Semenanjung
Malaysia, (Risalah), Januari 1984.
4. Racun-racun ada disediakan oleh Lembaga Pertubuhan Peladang,
Daerah Rompin, dengan perkhidmatan separuh harga.
5. Najib Tun Abd.Razak (Menteri Besar Pahang), Konvensyen UMNO Pahang
Sept. 1985. Hal 36
6. Jabatan Pertanian Negeri Pahang, 1979.
7. Koko, Jabatan Pertanian Negeri Pahang, 1979 (Risalah)
8. Ibid, 1979
9. Jabatan Pertanian Negeri Pahang, 1979
10. Minit Mesyuarat Kampong Contoh Sungai Meranti Peringkat Kawasan
Kali ke 2/84, 23hb.Mac, 1984.
11. Lembaga Padi dan Beras Negara, Konvensyen UMNO Negeri Pahang, Sept,
1985. Hal.4
- 11t. FAMA - Lembaga Pemasaran dan Pertanian Persekutuan

BAB V

MASALAH DAN

PENGLIBATAN AJENSI PEMBANGUNAN

5.1. Pendahuluan

Bab ini akan membincangkan masalah yang dihadapi oleh petani di kawasan kajian dan menghuraikan bagaimana masalah berkenaan mempengaruhi kehidupan dan pekerjaan mereka. Masalah yang diperhatikan dan akan dibwri penekanan ialah perihal yang berkaitan dengan bidang sozial dan ekonomi.

Dissamping itu pengkaji akan mendedahkan peranan dan penglibatan segala agensi kerajaan sebagai agen pembangunan di kawasan ini. Apakah peranan yang dimainkan itu berkesan untuk mengubah kedudukan sosio-ekonomi petani. Bab ini memperkatakan juga serba sedikit dasar kerajaan terutama mengenai pertanian seperti Dasar Pertanian Negara (DPN) dan sejauh mana pencapaiannya terhadap kegiatan pertanian khususnya di kawasan ini.

5.2. Masalah Yang Dihadapi

Bagi komuniti petani di kawasan ini, mereka menghadapi beberapa masalah yang telah menjadi rintangan kepada mereka dalam usaha meningkatkan taraf hidup samada melalui peningkatan daya pengeluaran dan seterusnya menambahkan pendapatan. Di antara masalah dari sudut

sosial dan ekonomi itu ialah seperti hakmilik dan keluasan tanah, sistem pengairan, tenaga kerja, pemasaran, kos pengendalian dan serangan musuh tanaman.

5.2.1. Hakmilik Dan Keluasan Tanah

Tanah merupakan punca pengeluaran yang penting sekali dalam pertanian. Bagi petani, tanah merupakan hal yang sangat penting. Tanah adalah suatu faktor ekonomi yang penting, dan pada sebahagian besarnya pembahagian milik tanah mempunyai kaitan yang rapat dengan soal kemiskinan.¹ Akan tetapi sehingga hari ini belum wujud lagi gambaran yang jelas mengenai corak pemilikan tanah seluruh negara. Dengan ini pemilikan dan keluasan tanah menjadi faktor utama untuk meningkatkan daya pengeluaran disamping faktor-faktor lain.

Berdasarkan 50 responden yang dikaji di kawasan ini, hanya 80% sahaja petani yang memiliki tanah sendiri manakala 20% lagi masih tidak mempunyai tanah. Mereka ini sekarang menduduki dan mengerjakan tanah kerajaan yang diteroka sewaktu mula-mula berhijrah ke kampong ini. Purata keluasan tanah yang diteroka ialah 3 ekar. Keluasan ini adalah tidak ekonomik dan tidak mampu mengeluarkan hasil yang baik. Begitu juga bagi petani yang mempunyai tanah sendiri, keluasan tanah yang digunakan juga tidak ekonomik. (Jadual IV.5).

Pertambahan dalam bilangan isirumah yang banyak bukan sahaja memerlukan tempat tinggal, tetapi juga memerlukan bahan makanan yang lebih banyak, sedangkan tanah yang dikerjakan adalah tetap sama keluasannya. Oleh itu wujud pulangan hasil bertambah kurang.

5.2.2. Kemudahan Sistem Pengairan

Bagi tanaman padi, air merupakan sumber yang amat penting. Tanpa air yang secukupnya tentulah amat sukar untuk padi hidup dengan subur. Bagi kawasan ini tiada sistem pengairan disediakan. Penanaman padi semata-mata mengharapkan air hujan. Penggunaan air hujan banyak risikonya. Hujan yang turun terlalu lebat akan menyebabkan takungan air berlebihan dibendang. Air yang bertakung ini tidak dapat dialirkan keluar kerana ketiadaan sistem pengaliran yang sempurna.

Ketiadaan sistem pengairan juga tidak memberi peluang kepada petani untuk mengusahakan tanaman padi dua kali setahun. Petani hanya dapat mengerjakan sawah mereka apabila tiba musim hujan iaitu antara bulan September hingga bulan Disember. Masalah akan timbul seterusnya apabila musim hujan bertukar menjadi musim kemarau di mana mereka langsung tidak dapat bertanam padi. Keadaan begini menyebabkan ketidaktentuan hasil yang akan diperolehi oleh petani dan tentunya mempengaruhi pendapatan mereka.

5.2.3. Tenaga Kerja

Peratusan yang tinggi dikalangan anak petani masih lagi di peringkat umur persekolahan, bererti mereka ini masih lagi terletak di bawah tanggungan ketua keluarga sepenuhnya. Umur di peringkat ini tidak menyediakan tenaga kerja yang ekonomik. Bagi golongan muda pula meweka lebih suka berhijrah ke kawasan lain terutama ke bandar sebagai menambah kekurangan yang tidak dapat dihasilkan oleh tanah tempat asal

mereka. Walaupun ada diantara mereka berhijrah dalam masa yang singkat tetapi sudah cukup untuk mengurangkan tenaga kerja di kampung ini.

Penghijrahan golongan muda ke bandar juga mempunyai kaitan dengan sistem pendidikan di negara kita. Falsafah serta orientasi sistem pendidikan kita tidak pernah menyediakan, terutamanya penuntut-penuntut yang gagal dengan pengetahuan dan kemahiran yang boleh memudahkan mereka diserapkan kembali kepada masyarakat tani desa.² Penuntut lebih disediakan untuk bekerja dipejabat atau dilapangan perindustrian. Maka bagi yang gagal atau yang lulus untuk tinggal terus di kampung tidak ubah seperti meletakkan ikan sungai di air masin. Oleh itu hanya yang tinggal ialah tenaga tua yang sudah begitu lama terlibat dengan pertanian dan mempunyai tenaga yang semakin berkurangan.

5.2.4. Penggunaan Teknologi

Seperti yang telah dinyatakan sebelum ini, keluasan tanah yang tidak ekonomik tidak menggalakan penggunaan teknologi moden. Ini ditambah pula dengan corak ekonomi saradiri yang turut mempengaruhi penggunaan teknologi moden di mana petani tidak berkecenderungan mengeluarkan lebihan selain untuk penggunaan sendiri.

Penanaman padi yang dilakukan serentak juga menyebabkan permintaan untuk penggunaan mesin membajak tinggi, sedangkan Jabatan Pertanian tidak mempunyai mesin membajak yang secukupnya. Oleh itu petani terpaksa menggunakan mesin membajak persendirian walaupun dikenakan bayaran yang lebih tinggi kerana anak padi mereka sudah cukup besar untuk diubah kebendang. Walau bagaimanapun masih terdapat petani yang

menggunakan cara tradisi seperti membajak menggunakan cangkul terutama di kawasan yang terpencil dan sukar bagi jentera pembajak untuk memasuki kawasan mereka.

5.2.5. Masalah Kesuburan Tanah

Penggunaan tanah untuk pertanian sepanjang tahun akan menyebabkan kesuburan terhadap tanah tersebut semakin berkurangan. Hanya dengan penggunaan baja kimia tahap kesuburan terhadap tanah tersebut sekurang-kurangnya dapat dikekalkan. Pengkaji mendapati petani di kawasan ini terutama sekali pesawah padi akan menggantikan tanaman padi mereka dengan tanaman lain seperti jagung atau tembakau setelah selesai kerja yang berkaitan dengan padi. Ini dilakukan dalam usaha untuk menambahkan pendapatan mereka. Tetapi petani kurang menggunakan baja disebabkan kurang memahami cara penggunaannya dengan betul.

5.2.6. Serangan Musuh Tanaman

Tanaman yang diusahakan oleh petani di kawasan ini sering diancam oleh musuh. Tikus merupakan musuh utama kepada padi. Sewaktu kajian ini dilakukan tikus telah mengancam tanaman padi di mana serangan tikus ini telah menyebabkan hasil padi untuk musim ini berkurangan daripada tahun sebelumnya. Selain daripada serangan tikus, kerbau liar juga sering memusnahkan sawah padi. Ini adalah kerana kebanyakan sawah tidak dipagari. Disamping itu kawasan yang ditumbuhinya semak menjadi tempat persembunyian musuh tanaman ini.

Bagi tanaman lain seperti koko, musuh utama ialah penyakit. Tiga jenis penyakit telah ditentukan oleh Jabatan Pertanian (lihat Bab IV, Hal). Walau bagaimanapun telah diterangkan bagaimana kawalan harus dilakukan.

5.2.7. Pemasaran

Pemasaran turut menjadi masalah kepada petani. Hanya terdapat seorang sahaja yang diberikan lesen oleh pihak LPN untuk menjalankan kegiatan membeli padi di kawasan ini. Oleh itu petani tidak mempunyai pilihan lain untuk menjual padi mereka. Sekiranya harga yang ditawarkan rendah mereka terpaksa juga menjualnya. Ketiadaan mesin khas untuk menentukan samada padi kering atau basah menyebabkan beliau hanya menggunakan penglihatan sendiri untuk menentukan keadaan padi. Keadaan ini tentunya memberikan peluang kepada untuk mengaut keuntungan daripada membuat penilaian yang kurang menepati.

Koko pula perlu dibawa sendiri ke bandar Rompin iaitu ke Pejabat FAMA untuk dijual. Sedangkan bandar Rompin terletak kira-kira 15 batu dari kampong ini. Bagi petani yang mempunyai kenderaan sendiri seperti motosikal tidaklah menjadi masalah tetapi bagi yang tiada kenderaan tentunya ini menjadi masalah. Walaupun pihak FAMA ada datang ke kampong ini untuk membuat pembelian tetapi kedatangan mereka adalah tidak tentu masa.

Harga kelapa pula begitu murah, Walaupun terdapat tanaman lain seperti sayur-sayuran tetapi tanaman tersebut tidaklah banyak kerana kebanyakannya untuk keperluan sendiri. Implikasi daripada masalah

pemasaran di atas telah menjejaskan kehidupan petani di kawasan ini.

5.2.8. Kos Pengendalian

Peningkatan dalam kos pengendalian ini secara tidak langsung turut menjejaskan perbelanjaan petani. Ini adalah kerana pendapatan yang diperolehi bukan sahaja digunakan untuk kegiatan pertanian tetapi pendapatan tersebut juga akan digunakan atau diagihkan kepada perbelanjaan harian petani. Petani tidak mempunyai sumber pendapatan lain atau simpanan khas untuk kegiatan pertanian.

Kos pengendalian yang terlibat termasuklah modal asas penanaman, sewa perkhidmatan jentera, baja dan racun serangga, upah dan sebagainya. Walaupun dengan penggunaan teknologi moden seperti membajak dengan jentera, penggunaan baja dan racun serangga memberi kemudahan kepada petani tetapi jika dihimpunkan kesemuanya ia memerlukan belanja yang agak besar sedangkan pendapatan yang diperolehi oleh petani ini adalah rendah.

5.2.9. Kemudahan Kredit

Akibat daripada peningkatan dalam kos pengendalian ini tentunya petani memerlukan sumber kewangan yang lebih banyak untuk menampung kos ini. Terdapat dua buah institusi kewangan yang besar di sini iaitu Malayan Banking Berhad dan Bank Pertanian Malaysia. Kedua-duanya terletak di bandar Rompin.

Walaupun terdapat kemudahan untuk membuat pinjaman tetapi peratus petani yang meminjam adalah begitu rendah sekali iaitu kira-kira 16% sahaja (Jadual IV.12), di mana daripada 16% ini, 12% sahaja yang menggunakan kemudahan kredit daripada institusi ini manakala 4% lagi membuat pinjaman melalui saudara mara.

Peratusan yang rendah menggunakan kemudahan kredit adalah disebabkan beberapa faktor. Faktor pertama, kerana syarat-syarat yang dikenakan oleh institusi ini. Pemohon mestilah sekurang-kurangnya mempunyai akaun simpanan dalam institusi berkenaan, sedangkan hanya 14% sahaja daripada petani ini yang mempunyai akaun di bank. Faktor kedua, petani tidak begitu memahami cara membuat pinjaman dan ditambah pula dengan keadaan buta huruf mereka. Ia juga dipengaruhi oleh keluasan tanah yang mereka kerjakan.

5.2.10. Kemudahan Asas

Masih terdapat beberapa kekurangan dari segi kemudahan asas seperti jalanraya, pengangkutan, kemudahan air paip dan letrik. Terdapat beberapa batang jalan kampong yang masih kurang memuaskan di mana tiada langsung ditimbuni oleh batu tanah merah. Jalan ini lebih merupakan lorong yang hanya boleh dilalui oleh motosikal dan basikal sahaja. Petani akan menghadapi kesukaran keluar masuk untuk membawa hasil tanaman mereka dan keadaan ini lebih teruk lagi apabila berlaku hujan di mana jalan ini menjadi lecak dan sukar dilalui.

Petani juga turut menghadapi masalah pengangkutan. Pengangkutan utama menghubungi kampong ini dengan kawasan luar ialah bas. Akibat daripada pengangkutan bas yang tidak menentu masa perjalannya, keadaan ini telah menyulitkan perhubungan petani ini. Banyak masa terbuang begitu sahaja kerana menunggu bas.

Seterusnya kampong ini masih belum mendapat kemudahan air paip. Petani masih lagi menggunakan air telaga untuk kegunaan harian mereka. Walaupun penggunaan telaga tidak menyukarkan mereka kerana sudah kebiasaan menggunakan tetapi sudah sepatutnya kampong ini menerima bekalan air paip berdasarkan kedudukannya yang tidak terpencil dan zaman pembangunan sekarang ini.

5.3. Penglibatan Ajensi Kerajaan

Adalah menjadi tanggungjawab kerajaan mewujudkan pembangunan di setiap kawasan setelah diberi mandat oleh rakyat untuk memerintah negara. Pembangunan yang diwujudkan itu adalah melalui ajensi kerajaan yang telah ditubuhkan dan telah dibahagikan tugas tertentu masing-masing. Pembangunan terutamanya di kawasan luar bandar akan memberi kemudahan kepada penduduk luar bandar dan membuka peluang kepada mereka untuk meningkatkan taraf sosio-ekonomi mereka. Di antara ajensi pembangunan yang terlibat di kawasan ini ialah seperti Pejabat Daerah terutama Bahagian Pembangunan Masyarakat, Bank Pertanian, Lembaga Pemulihan dan Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Kemajuan Masyarakat (KEMAS) dan badan kerajaan lain.

5.3.1. Bahagian Pembangunan Masyarakat

Bahagian ini merupakan salah satu daripada bahagian yang terdapat di Pejabat Daerah Rompin yang memainkan peranan penting mewujudkan pembangunan disetiap kawasan yang terletak di bawah pentadbirannya. Bahagian ini diketuai oleh seorang Penolong Pegawai Daerah dengan dibantu oleh beberapa orang pegawai. Penolong Pegawai Daerah sering membuat lawatan ke kampong dan juga menghadiri mesyuarat seperti Mesyuarat Jawatankuasa Kemajuan Dan Keselamatan Kampong (JKKK) dan dari sini akan mengetahui kemajuan sesebuah kampong atau masalah yang dihadapi.

Melihat kepada kampong yang dikaji, pengkaji telah dapat melihat beberapa usaha telah dijalankan oleh bahagian ini seperti membina jalan tanah merah, membina balairaya, membina padang permainan dan sebagainya. Untuk memudahkan pentadbiran bahagian ini akan membuat bincian untuk mengetahui maklumat kampong tertentu di mana kandungan kajian termasuklah mengenai bilangan penduduk yang terbaru, jenis pekerjaan, kegiatan sosial yang wujud, prasarana dan sebagainya. Pentadbiran menjadi lebih mudah apabila bahagian ini mempunyai hubungan yang baik dengan ketua kampong.

Walau bagaimanapun masih terdapat beberapa kekurangan dari segi prasarana seperti yang telah dinyatakan sebelum ini. Ini adalah kerana untuk membina satu-satu jalanraya walaupun jalan tanah merah bahagian ini terpaksa menunggu satu peruntukan khas untuk projek tersebut. Sekiranya peruntukan tidak ada atau tidak cukup untuk sesuatu projek itu maka ia hanya akan mengambil masa untuk melaksanakannya

5.3.2. Bank Pertanian

Bank Pertanian memainkan peranan untuk memaju dan memodenkan sektor pertanian. Melalui sistem kredit dan pinjamannya dapat menambah modal petani dalam usaha meluas, meningkat, memoden dan mempercepatkan projek pertanian.

Berbagai jenis kredit dan pinjaman yang meliputi berbagai aspek pembiayaan di dalam berbagai bidang pertanian ada disediakan bagi memenuhi keperluan para petani, pengusaha, kontraktor dan orang ramai menjalankan segala kegiatan pertanian mereka. Kredit dan pinjaman HPM ditujukan khas untuk bidang pertanian meliputi bidang pengeluaran, penyediaan dan pembekalan bahan pengeluaran dan perkhidmatan yang berkaitan dengan pemerosesan, dan pemasaran hasil pengeluaran tersebut.

Selain dari itu HPM juga berusaha memberikan perhatian berat kepada pembentukan sikap, kemahiran dan keupayaan menjalankan sesuatu projek. Bank Pertanian sentiasa berusaha untuk menggalakkan petani berdikari.

Sebagai sebuah agensi pembangunan aktiviti Bank adalah sejajar dengan Dasar Ekonomi Baru Kerajaan, yang antara lain adalah bertujuan untuk membasmi kemiskinan terutama di kalangan pendudukluar bandar dan menyusun semula masyarakat. Sejajar dengan ini, matlamat Bank adalah untuk memodenkan sektor pertanian dengan tujuan mengujudkan satu masyarakat tani yang progresif, kukuh dan moden.

Di antara syarat yang dikenakan kepada petani yang ingin memohon pinjaman dari Bank Pertanian adalah seperti berikut:-

1. Terdiri dari Warganegara Malaysia
2. Kecuali kredit untuk tanaman padi, tembakau dan nenas di mana pembiayaan 100% diberi, lain-lain pinjaman tidak melebihi setakat 80% daripada jumlah kos projek.
3. Cagaran adalah diperlukan bagi pinjaman-pinjaman tertentu tetapi tidak dianggap sebagai keperluan utama. Kredit untuk tanaman padi, tembakau dan nenas tidak memerlukan cagaran.
4. Di mana sesuai, pinjaman-pinjaman yang dibuat dikehendaki mendapatkan insuran untuk menampung risiko. Insuran ini harus menasakan Bank sebagai penerima.
5. Tempoh pinjaman dihadkan tidak melebihi umur projek (economic life) dan berdasarkan juga kepada aliran kewangannya.

Mulai tahun 1981 selaras dengan Dasar Ekonomi Baru untuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat, struktur kadar faedah juga telah diubah bagi meringankan beban petani yang miskin. Kadar faedah yang baru ini terbahagi kepada 3 kategori tertentu :-

1. Untuk Membasmi Kemiskinan.

Di bawah kategori ini peminjam yang layak tidak akan dikenakan sebarang faedah.

2. Untuk Menyusun Semula Masyarakat.

Di bawah skim ini peminjam hanya dikenakan kadar faedah 2% setahun. Skim ini terbuka kepada petani bumiputera sahaja.

3. Pinjaman Biasa dan Bercorak Perdagangan.

Mereka yang tidak layak dipertimbangkan di dalam kategori di atas akan dikenakan kadar faedah biasa antara 1% - 2% kos

kewangan.

Denda akan dikenakan ke atas pembayaran terkebelakang dengan kadar 6% setahun dikira atas baki harian yang kebelakangan.

Pada masa ini EPM menyediakan sebanyak 15 skim atau rancangan kredit dan pinjaman yang dijangka dapat menampung keseluruhan kegiatan pertanian di negara ini. Rancangan-rancangan kredit dan pinjaman yang dimaksudkan ialah seperti berikut :-

A. Skim Kredit dan Pinjaman

1. Kredit Jangka Pendek Pengeluaran Padi
2. Kredit Jangka Pendek Pengeluaran dan Pemasaran Tembakau.
3. Kredit Jangka Pertengahan Jentera Pertanian.
4. Kredit Jangka Pertengahan Tanaman Nenas.

B. Rancangan Pinjaman

5. Pinjaman untuk berbagai jenis tanaman lain selain dari padi dan tembakau
6. Pinjaman ternakan
7. Pinjaman Perikanan
8. Pinjaman pembelian dan memajukan tanah
9. Pinjaman kemajuan ladang
10. Pinjaman kontrek pertanian
11. Pinjaman perhutanan
12. Pinjaman persekolahan dan motosikal
13. Pinjaman untuk perusahaan pertanian
14. Pinjaman untuk mengekalkan dan memajukan tanah
15. Pinjaman perumahan untuk petani dan nelayan.³

Dengan penjelasan mengenai Bank Pertanian ini, bank banyak memberi peluang kepada petani untuk meningkatkan taraf hidup dan penghasilan dari masa kesemasa. Oleh itu apa yang dinyatakan oleh Umran B.Mohd Anas Khan dalam latihan ilmiah beliau⁴ yang mengatakan syarat-syarat yang dikenakan oleh Bank Pertanian terhadap petani didapati tidak berjaya mengatasi masalah petani adalah tidak berasas sama sekali. Kadar faedah 2% yang dikenakan adalah berpatutan dan tidak langsung menunjukkan dasar ketidakadilan bank dan mengenakan kadar faedah yang tinggi seperti mana yang beliau seterusnya katakan.

Cuma yang menjadi masalah petani ialah kurangnya fahaman mengenai cara membuat pinjaman dan syarat-syarat yang dikenakan. Ketidak-fahaman ini membuatkan mereka takut meminjam. Seterusnya yang menjadi keraguan ialah bank hanya akan meneliti permohonan dan hanya membiayai projek yang menguntungkan sahaja. Oleh itu mungkin menimbulkan masalah kepada petani yang tidak faham apa sebenarnya yang dimaksudkan dengan projek yang menguntungkan itu.

Walau bagaimanapun kejayaan Bank Pertanian dan pembangunan pertanian sepenuhnya hanya dapat dicapai melalui kerjasama badan kerajaan atau separuh kerajaan yang lain disamping penyertaan petani kerana sumber-sumber kredit sahaja tidak memadai untuk mencapai tujuan ini.

5.3.3. Lembaga Pemasaran dan Pertanian Persekutuan (FAMA)

Cawangan pejabat FAMA terletak juga di bandar Rompin. Bagi memudahkan pentadbiran, unit-unit ini dibahagikan kepada 6 iaitu:-

1. Unit Pemasaran
2. Unit Penyelidikan
3. Unit Pengangkutan
4. Unit Sokongan
5. Unit Pentadbiran
6. Unit Pengurusan Kewangan

Unit-unit ini mempunyai tugas masing-masing di mana tugas unit pemasaran ialah mencari ruang pasaran untuk memasarkan hasil pertanian. Unit penyelidikan membuat penyelidikan mengenai perkara yang berkaitan dengan pertanian, unit pengangkutan pula mengambil hasil pertanian di kawasan tertentu, unit sokongan membuat belian hasil petani, unit pentadbiran menguruskan pentadbiran dan unit pengurusan kewangan mengurus soal-soal kewangan.⁵

Setakat ini pihak FAMA telah mengeluarkan lesen untuk orang perseorangan seramai tiga orang untuk menjalankan kegiatan membeli biji koko daripada penduduk tempatan. FAMA juga membeli sendiri hasil petani tetapi menjadi masalah kepada petani kerana kedatangan mereka tidak menentu masa.

5.4. Dasar Pertanian Negara (IPN)

Dasar Pertanian Negara yang dilancarkan oleh Dato' Musa Hitam pada 12hb. Januari, 1984 telah juga membuka peluang kepada petani. IPN mempunyai dua matlamat utama iaitu :-

1. Memaksimakan pendapatan daripada pertanian
2. Meningkatkan daya pengeluaran.

Caranya ialah dengan :-

- (a) Meningkatkan pengeluaran tanaman eksport yang sedia ada
- (b) Menggalak dan memajukan tanam-tanaman yang mempunyai potensi untuk eksport.
- (c) Memajukan tanam-tanaman untuk makanan dan industri.

Bagi mencapai matlamatnya, IPN telah merangka beberapa strategi iaitu :-

- (a) Pembukaan tanah baru
- (b) Pembangunan in-situ
- (c) Penyediaan khidmat sokongan dan galakan
- (d) Pembangunan sosial dan industri.⁶

Melalui strategi pertama, ini akan memberi peluang kepada penduduk luar bandar disamping mewujudkan unit kebun yang ekonomik, dapat diusahakan dengan menggunakan amalan pertanian yang moden. Selain itu tekanan kependudukan disatu-satu kawasan dapat dikurangkan dan mereka yang tinggal dapat mengusahakan kawasan tanah yang lebih luas dan ekonomik.

Strategi kedua, pembangunan in-situ bertujuan memperbaiki

kemudahan infrastruktur seperti parit dan talair, mengadakan program tanam semula dan pembinaan jalan luar bandar. Selain itu penyatuan tanah, pengurusan ladang secara kumpulan dan pemilihan tanaman juga digalakan . Satu cara lagi ialah melalui peningkatan khidmat sokongan seperti pengembangan dan latihan, tanaman semula dengan benih hasil tinggi, dan kemudahan kredit untuk tanaman terpilih.

Melalui strategi ketiga, iaitu memberikan perkhidmatan sokongan pertanian, ia meliputi penyelidikan, pengembangan, pemasaran serta cukai dan galakan pertanian. Dalam aspek ini penyelidikan yang bercorak gunaan atau penyelidikan sosio-ekonomi dapat menghasilkan teknologi yang sesuai dan maklumat penting. tentang sektor pertanian.

Sistem pemasaran yang kemas perlu untuk menampung pertambahan hasil kesan daripada penggunaan teknologi baru. Dari segi pemasaran ini diharapkan agar pengeluar dan pengusaha akan menerima harga yang munasabah dan menguntungkan; sementara pengguna mendapat bekalan bermutu.

Walau bagaimanapun soal pemasaran hasil pertanian ditangan orang tengah, soal meletakkan harga tanaman ditangan orang lain masih lagi menjadi masalah besar. Tidak ada sebarang usaha yang lebih konstruktif dicadangkan di dalam IPN untuk mengatasi masalah ini.

Strategi keempat yang menekankan proses memodenkan sektor pertanian adalah bagi memudahkan perubahan sikap petani, penerimaan teknologi dan penyertaan aktif petani di dalam proses pembangunan.

Ini akan membentuk dan menyediakan perkhidmatan dan kemudahan sozial untuk membentuk suasana kerja dan tempat tinggal di kawasan luar bandar yang menarik.

Jelasnya, IPN banyak membuka peluang kepada petani untuk meningkatkan taraf sosio-ekonomi mereka. Hanya terpulang kepada petani untuk mengambil kesempatan daripada apa yang telah dirancangkan ini.

5.5. Kesimpulan

Berbagai masalah telah dihadapi oleh petani tetapi dengan adanya agensi pembangunan kerajaan, masa depan petani ini adalah cerah. Ini ditambah pula dengan beberapa usaha dari kerajaan untuk mewujudkan beberapa pembangunan luar bandar seperti pembinaan bangunan karyaneka⁷ di mana ini akan membuka peluang untuk penduduk tempatan menghasilkan kraftangan sebagai sumber pendapatan tambahan. Juga projek Kampong Contoh Sungai Meranti yang dicadangkan berbagai tanaman dan projek seperti tanaman koko, penternakan ikan air tawar, penternakan ayam, projek perparitan, pemulihian sungai disamping memberi bantuan baja dan kredit.⁸ Begitu juga dengan IPN yang akan membuka peluang kepada petani untuk meningkatkan sosio-ekonomi mereka.

Nota Rujukan.

1. Hossin Ali, S. Apa Erti Pembangunan, Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1979. Hal.17
2. Shamsul Amri Baharuddin (Dr), 'Teori Tolakan-Tarikan Dan Masalah Migrasi Desa-Desa Serta Setinggan', Majalah Akademik, Nurin Enterprise, Kuala Lumpur, Mac/April 1984. Hal.53
3. Risalah Bank Pertanian Malaysia, Peranan dan Perkhidmatan, Kuala Lumpur.
4. Umran B.Mohd Anas Khan, Kajian Status Sosio-Ekonomi Komuniti Petani dan Nelayan, Satu Kajian Perbandingan Di Mukim Pengkalan Baharu, Manjung, Perak. Latihan Ilmiah, Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya, 1984/1985. Hal. 99
5. Pejabat FAMA (Cawangan Rompin), Rompin.
6. Rokiah Talib (Dr), Felda Dalam Pembangunan Negara : Satu Tinjauan Mengenai Peranan Dan Kesan Felda, Persidangan Kebangsaan Pembangunan di Malaysia : Perencanaan, Pelaksanaan dan Prestasinya, 9-11 Disember, 1984, U.K.M. Bangi. Hal.1
7. Najib Tun Abd. Razak (Menteri Besar Pahang) , Konvensyen UMNO Pahang, Sept. 1985. Hal.68
8. Minit Mesyuarat KG Contoh Sungai Meranti, Peringkat Kawasan Kali ke 2/84. 3hb.Mac.1984. Kawasan yang akan dibangunkan seluas 91 ekar.

KESIMPULAN DAN CADANGAN

Berdasarkan kajian yang dijalankan terhadap petani di Kampong Jawa dan kampong sekitarnya, pengkaji mendapati kedudukan ekonomi penduduknya masih lagi rendah iaitu di bawah garis kemiskinan yang ditetapkan oleh SERU sebanyak \$384.00 sebulan. Kedudukan ekonomi yang rendah ini ditunjukkan dengan tingkat pendapatan yang rendah yang diterima oleh mereka di dalam tiap musim penanaman padi. Petani tersebut menghadapi berbagai masalah dalam usaha mereka untuk mempertahankan dan juga meningkatkan kedudukan ekonomi mereka.

Walau bagaimanapun bagi petani yang turut mengusahakan tanaman lain selain daripada padi akan memperolehi pendapatan yang agak melegakan (Jadual IV.8). Pendapatan yang diperolehi daripada tanaman seperti koko dan kelapa ini dapat menambahkan pendapatan mereka. Tetapi petani yang melibatkan diri dalam penanaman koko disamping kelapa masih lagi kurang bilangannya di mana hanya 20% sahaja terlibat. Ini bermakna hanya segelintir sahaja petani yang memperolehi pendapatan tambahan itu. Kebanyakannya masih kurang menyedari akan keuntungan yang akan diperolehi daripada tanaman koko dan lebih-lebih lagi mereka juga tidak menyedari bahawa tanah di kawasan ini iaitu dari jenis 'Rompin Siri' dan 'Briah Siri' yang telah ditentukan oleh Jabatan Pertanian Negeri Pahang adalah sesuai untuk tanaman koko.

Berbagai usaha telah dijalankan oleh petani di kawasan ini untuk meningkatkan kedudukan ekonomi mereka seperti menanam tembakau dan jagung. Selain daripada itu ada juga petani yang mengambil upah melakukan kerja sambilan (tambahan) seperti mengopek kelapa atau menebas dan membuat atap daripada daun nipah untuk jualan (Jadual IV.3). Walau bagaimanapun kedudukan ekonomi mereka masih rendah. Ini adalah kerana keluasan tanah yang digunakan tidak ekonomik dan tanaman padi terutamanya lebih untuk kegunaan sendiri. Pekerjaan sampingan pula tidak menentu masa dan upah yang diterima adalah rendah. Begitu juga bagi mereka yang membuat atap dari daun nipah, pembuatannya hanyalah dapat memenuhi permintaan yang terhad sahaja.

Daripada apa yang telah diperkatakan ini membuktikan bahawa hipotesis pengkaji adalah benar. Usaha pertanian yang dijalankan oleh petani di kawasan ini hanyalah untuk memenuhi keperluan sendiri sahaja. Petani juga tidak hanya bergantung kepada satu jenis tanaman sahaja malah akan juga melakukan kerja selain daripada pertanian yang mampu mereka lakukan. Sikap yang dimiliki ini telah membantu mereka memperbaiki kedudukan sosio-ekonomi walaupun tidak setinggi yang diharapkan.

Jika diambil ukuran berdasarkan pendapatan ini sememangnya boleh dikatakan penduduk di kampong ini mempunyai taraf dan kedudukan ekonomi yang rendah atau dengan kata lain masih lagi miskin. Tetapi realitinya pengkaji mendapati kedudukan sosio-ekonomi mereka adalah diperingkat pertengahan, yakni mereka tidak miskin dan tidak kaya. Buktinya keadaan rumah mereka dan peralatan perumahan yang dimiliki. Walaupun pendapatan rendah kebanyakannya penduduk yang dikaji mempunyai

mempunyai beberapa peralatan moden seperti radio, talivisyen, kerusi set, atau sekurang-kurangnya rumah mereka telah diterangi dengan cahaya lampu letrik di mana 64% penduduk telah menikmati kemudahan letrik (Jadual III.3). Hanya rumah yang didirikan di kawasan tanah haram sahaja tidak sempurna dan masih belum menikmati kemudahan letrik. Tetapi apabila tanah ini kelak menjadi milik mutlak mereka¹ mungkin keadaan perumahan mereka akan berubah kerana mereka tidak lagi takut akan dihalau keluar daripada kawasan yang mereka teroka itu.

Pendapatan yang rendah ini berpunca daripada faktor ekonomi dan bukan ekonomi. Faktor ekonomi dan bukan ekonomi ini mempunyai sifat saling melengkapi. Di antara faktor tersebut ialah pengkerjaan ke atas tanah yang tidak ekonomik dari segi pengeluaran. Sudah semestinya tanah yang tidak ekonomik akan memberikan pulangan hasil yang tidak ekonomik.

Keadaan ini ditambah pula dengan beberapa masalah lain yang dihadapi seperti tanah yang dikerjakan itu sudah tidak begitu subur lagi akibat daripada pengkerjaan ke atas tanah yang berterusan. Disamping itu penggunaan teknologi yang rendah dan cara penanaman serta penuaian yang masih bercorak tradisional turut mempengaruhi pulangan yang rendah. Ketidakmampuan petani membeli baja dan racun dan kekurangan pengetahuan mengenai penggunaannya menyebabkan tanaman kekurangan baja dan mudah diserang musuh yang mengakibatkan juga pulangan yang rendah .


1. Menurut Ketua Kampong meweka akan diberikan 3 ekar tanah seorang.

Keterangan di atas menunjukkan bahawa petani di kawasan ini masih mengekalkan beberapa ciri-ciri 'peasants' seperti yang dikemukakan oleh beberapa orang Sarjana Sains Soacial seperti Raymond Firth (Malayan Fisherman, 1946), Eric Wolf (Peasants, 1966), Edward Banfield (The Moral Basis Of A Backward Society, 1958), Teodor Shanin (Peasants And Peasants Societies, 1971), juga sarjana tempatan seperti S.Husin Ali (The Malays, Their Problems And Future, 1981) dan Ungku A.Aziz (Kajian Ekonomi Malaysia, 1964).

Akibat dari tingkat pengeluaran yang rendah disebabkan oleh faktor-faktor yang telah dibincangkan di atas, menyebabkan jumlah pendapatan yang diterima adalah rendah. Ini membawa kepada masalah kekurangan modal untuk membeli lebih banyak tanah atau alat serta bahan dan racun untuk meningkatkan pengeluaran. Pendapatan yang rendah juga menyebabkan petani tidak dapat membuat simpanan dan ini juga bererti ia tidak mempunyai modal secukupnya untuk persediaan penanaman yang akan datang. Maka selagi faktor-faktor tersebut tidak dapat di atasi, maka selagi itulah petani akan terus menerima pendapatan yang rendah dan membentuk satu lingkaran seperti apa yang telah disebutkan oleh Nurkse sebagai vicious circle of poverty.²

Melalui konsep lingkaran ganas kemiskinan ini Nurkse cuba menunjukkan bahawa akibat dari jumlah pengeluaran yang rendah menyebabkan pasarannya adalah rendah. Ini menyebabkan pendapatan yang diterima juga akan rendah dan mempengaruhi simpanan untuk dijadikan modal adalah rendah. Pendapatan yang rendah dan jumlah simpanan yang rendah menyebabkan petani kekurangan modal untuk meningkatkan ekonomi

mereka. Lingkaran ini boleh ditunjukkan oleh gambarajah di bawah.



Rajah: Lingkaran Ganas Kemiskinan

Bagi mengerjakan tanah secara ekstensif memerlukan modal yang banyak, kerana melalui modal ini tenaga buruh serta kemudahan teknologi misalnya peralatan pertanian, baja atau racun tanaman dapat diperolehi sedangkan mereka tidak mempunyai kemudahan kredit kerana kekurangan pengetahuan. Kemudahan memproses serta memasarkan hasil pertanian juga tidak dinikmati oleh orang Melayu. Kesulitan ini adalah hakikat yang bukan sahaja dialami oleh petani Melayu malahan dialami juga oleh petani peribumi di Asia Tenggara.³

Walau bagaimanapun hasil daripada pembangunan luar

bandar beberapa perubahan dari segi sosio-ekonomi penduduk kampong telah

berlaku. Anak-anak petani telah mendapat pendidikan secara formal di mana mereka telah dihantar ke sekolah kerajaan yang berdekatan. Petani menyedari dengan pelajaran akan dapat mengubah keadaan hidup yang mereka hadapi sekarang. Seperti kata Perdana Menteri Malaysia, 'akal dan fikiran adalah senjata paling tajam dan berkesan dalam usaha membasmikan kemiskinan'.⁴ Ini membuktikan kepentingan ilmu pengetahuan.

Taman Didikan Kanak-Kanak (Tadika) yang dibuka telah memberi peluang kepada anak petani yang akan ke sekolah formal mendapat pendedahan awal mengenai alam persekolahan. Begitu juga dengan adanya mesjid mereka dapat beribadat dengan sempurna dan berbincang sesama mereka mengenai apa sahaja yang berkaitan dengan mereka setelah penat bekerja di siang hari. Jabatan Pertanian yang ada turut memberi bantuan khidmat nasihat kepada petani mengenai cara pertanian yang baik dan menyediakan beberapa kemudahan lain seperti jentera pembajak dan sebagainya.

Jalanraya yang dibina telah memudahkan perhubungan penduduk kampong dengan kawasan luar dan ada yang mengambil kesempatan mencari kerja sampingan di luar kampong. Perhubungan jalanraya juga memudahkan mereka memasarkan hasil usaha mereka samada mereka pasarkan sendiri di bandar Endau atau Rompin atau menjualnya di pondok kecil di tepi jalan. Begitu juga dengan kemudahan bekalan letrik 24 jam.

Tetapi disebalik pembangunan yang diwujudkan itu masih ada lagi beberapa kekurangan. Berdasarkan kekurangan dan masalah yang dihadapi, pengkaji ingin membuat beberapa cadangan.

1. Menyediakan Sistem Pengairan

Masih belum terdapat sistem pengairan di kawasan ini.

Ketiadaan sistem pengairan menimbulkan masalah kepada petani. Tanaman padi hanya dapat dilakukan apabila tiba musim hujan. Bila hujan pula air bertakung dalam sawah dan tidak dapat dialirkan keluar dan memusnahkan anak padi. Apabila diadakan sistem pengairan dan talair yanh sempurna tentunya petani akan dapat mengerjakan sawah dengan sempurna dan berkemungkinan mengerjakan tanaman padi dua kali setahun.

2. Penubuhan Koperasi

Penubuhan koperasi atau Syarikat Kerjasama boleh membantu petani dalam beberapa hal. Koperasi boleh menjadi tempat petani mendapatkan kemudahan kredit dengan pembagaran balik melalui penolakan hasil pertanian kepada koperasi. Koperasi juga boleh menjual barang runcit atau membeli hasil dari petani. Dengan ini petani tidak lagi bersusah payah pergi ke tempat yang lebih jauh untuk mendapatkan apa juu barang keperluan.

3. Pembinaan Kilang LPN

Memandangkan sudah ada perancangan untuk membina kilang padi LPN maka ianya perlulah disegerakan. Ini adalah kerana daerah Rompin amnya dan Negeri Pahang khasnya masih belum mempunyai Kompleks Kilang Padi di mana padi terpaksa dibawa keluar dari Negeri Pahang untuk diproses dengan belanja yang lebih. Ini ditambah pula daerah Rompin merupakan daerah gang paling tinggi dalam pengeluaran padi di Negeri Pahang. Projek Endau-Rompin yang akan dibuka tentunya memerlukan kilang padi.

4. Menyatukan Pemberian Kredit Dengan Pemasaran Hasil Tani

Ambil contoh pertanian padi. Kredit Bank Pertanian yang diperolehi oleh petani padi pada masa ini dibuat menerusi persatuan peladang. Tetapi persatuan peladang tidak bertindak sebagai agen pembeli padi. Kerana LPN adalah tempat di mana petani menjualkan hasil padi mereka, maka disarankan LPN mengambil alih peranan persatuan peladang sebagai pemberi kredit. Dengan cara ini juga memudahkan LPN untuk membuat potongan bayaran balik yang diterima untuk musim berkenaan dan pemotongan bukanlah secara sekali gus tetapi secara berpeingkat-peringkat.

5. Peranan Bank Pertanian

Bank Pertanian seharusnya memberi penerangan yang lebih berkesan lagi kepada petani mengenai cara pinjaman, jenis dan syarat yang dikenakan. Petani kebanyakannya kurang pengetahuan mengenai cara, jenis dan syarat pinjaman yang boleh mereka lakukan. Dengan penerangan yang jelas tentunya membuka jalan kepada petani dalam usaha mencari modal untuk meningkatkan daya pengeluaran mereka.

6. Pembukaan Tanah Berkelompok Untuk Belia

Kawasan ini mempunyai persatuan belia yang agak aktif. Selama ini belia di kawasan ini mengusahakan tanaman ditamah sendiri. Memandangkan kawasan ini masih mempunyai tanah kerajaan yang terbiar adalah disarankan tanah ini dibuka kepada belia di kawasan ini untuk mengerjakannya secara berkelompok dan diberi jaminan tanah tersebut akan

menjadi milik mereka jika dikerjakan untuk beberapa tahun dan berjaya. Ini juga akan mengurangkan penghijrahan belia ke bandar.

Ahmad Nazri Abdullah, (1985), Melayu dan Tanah, Tumpuan Khusus Kepada Tanah

Kaum petani adalah tunjang kekuatan dan kemakmuran negara. Di bahu merekaalah terletaknya kehidupan manusia yang masih memerlukan makanan. Olah itu walau dengan apa cara sekali pun nasib kaum petani mestilah diperjuangkan.

Nota Rujukan.

2. Nurkse, Ragnar, Problems Of Capital Formation In Underdeveloped

Countries, Oxford, Great Britain, 1958. Hal.4

3. Mahathir Mohammad, (Perdana Menteri Malaysia), Berita Minggu,

Ahad 4 Ogos, 1985. Hal. 1

4. Ahmad Nazri Abdullah, Melayu Dan Tanah, Tumpuan Khusus Kepada Tanah

Simpanan Melayu, Media Intelek, 1985. Hal.207.

Meier, G.W., (1990)

Leading Issues In Economic Development,
Oxford University Press, New York.

Marion S. Javits & William
S. Gatzke, (1977)

Thoughts on Poverty and Its
Its Elimination, Journal of Social
Plan, Vol. 1, Part 2, April.

Myrdal, Gunnar, (1968)

Asian Dilemma, An Inquiry Into Poverty
Of Nations, Partition, New York.

Nurkse, Ragnar, (1958)

Problems Of Capital Formation In
Underdeveloped Countries, Oxford,
Great Britain.

BIBLIOGRAFI

- Ahmad Nazri Abdullah, (1985), : Melayu dan Tanah, Tumpuan Khusus Kepada Tanah Simpanan Melayu, Media Intelek, Kuala Lumpur.
- Bealew, R.C; Willits, F.K. & Kurlesky, W.P. (1965) : "The Meaning of "Rurality" in American Society: Some Implications Of Alternative Definitions, Journal Of Rural Sociology, June 30,
- Edward Banfield, E.C, (1958) : The Moral Basis Of A Backward Society, The Free Press, New York.
- Eric Wolf, (1966) : Peasants, Prentice-Hall, New Jersey.
- Frank, A.G, (1972) : Capitalism And Underdevelopment In Latin America, Penguin Press, Great Britain.
- Kroeber, A.L, (1948) : Anthropology, New York, Harcourt, Brace And Co.
- Meier, G.M, (1970) : Leading Issues In Economic Development, Oxford University Press, New York.
- Merton S. Baratz & William G. Grigsby, (1972) : "Thoughts on Poverty and Its Eliminations, Journal Of Social Plan, Vol. 1, Part 2, April.
- Myrdal, Gunnar. (1968) : Asian Drama, 'An Inquiry Into Poverty Of Nations, Parton, New York.
- Nurkse, Ragnar, (1958) : Problems Of Capital Formation In Underdeveloped Countries, Oxford, Great Britain.

- Peter Leonard, (1971) : The Challenge Of Primary Prevention,
Social Work Today, Vol.2.No.5
- Raymond Firth, (1946) : Malayan Fisherman, Their Peasant
Economy, Routledge and Kegan Paul Ltd,
London.
- _____, (1961) : Element Of Social Organisation,
C.A. Watts and Co.Ltd, London
- Roach, J.L., (1972) : Poverty, Penguin Book, London.
- Seers, D. (1970) : The Meaning Of Development,
Agricultural Development Council,
Inc., New York.
- Shanin, Teodor, (1971) : Peasants And Peasants Societies,
Penguin Book, England.
- Sime, N.L.,(1946) : Element Of Rural Sociology, Thomas Y.
Crowell Co, New York.
- Smith, T.C, & Zopt,P.E, (1970) : Principal of Inductive Rural
Sociology, F.A. Davis Co. USA.
- Sorokin, P.A, Zimmerman,
C.C & Gaplin, (1965) : Systematic Source Book In Rural
Sociology, Vol.1, New York.
- _____, (1969) : Principle of Rural Urban Sociology,
Henry Holt and Co.,New York.
- Syed Husin Ali, (1978) : Kemiskinan dan Kelaparan Tanah di
Kelantan, Karangkraf, P.J.
- _____, (1979) : Apa Erti Pembangunan, DEP, K.L.

- Syed Husin Ali, (1981) : The Malays, Their Problems And Future, Heineman, K.L.
- Townsend, Peter (1962) : 'The Meaning of Poverty', British Journal Of Sociology, Vol. 13.
- Umran bin Mohd Anas Khan (1984) : Kajian Status Sosio-Ekonomi Komuniti Petani dan Nelayan, Latihan Ilmiah B.A (Hons), Jabatan Antropologi dan Sosiologi, U.M.
- Ungku A.Aziz,(1964) : 'Poverty and Rural Development in Malaysia', Kajian Ekonomi Malaysia, Vol.1, June.
- Yusof Suratman, (1979) : Kemiskinan Di Kalangan Orang Melayu Di Bandar, M.A. Tesis, Jabatan Antropologi dan Sosiologi, U.M.

Artikel, Makalah dan Akhbar

International Encyclopedia of Social Science, Vol.12, 1968

- Rokiah Talib, (1984) : Felda Dalam Pembangunan Negara : Satu Tinjauan Mengenai Peranan dan Kesan Felda, Persidangan Kebangsaan Pembangunan Di Malaysia : Dis., UKM, Bangi
- Syed Husin Ali, (1983) : 'Aspek Sosiologikal Dalam Kemiskinan' Seminar Kemiskinan Luar Bandar, April 1983, Alor Star.

Seminar Mid-Term Review Of The Fourth Malaysian Plan, P.J. 1984

United Nations, The United Nation Development Decade Proposals For Action, Secretary General, New York, 1978.

Forum Pembangunan, Unit Perancang Ekonomi (UPEN), Jabatan Perdana Menteri.

Akademik, Nurin Enterprise, Kuala Lumpur.

Diskusi, Yayasan Anda, Kuala Lumpur.

Utusam Malaysia

Berita Harian/ Minggu.

Percetakan Kerajaan

Kerajaan Malaysia, Rancangan Malaysia Kedua, 1971 - 1975

_____, Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kedua,
1971 - 1975, 1973.

_____, Rancangan Malaysia Keempat, 1980 - 1985

_____, Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat,
1980 - 1985, 1983.

Laporan Ekonomi, 1974 - 1975.

Konvensyen UMNO Negeri Pahang, September, 1985.

Panduan Penanam Padi, Jabatan Pertanian Semenanjung Malaysia, Feb. 1981

Risalah Jabatan Pertanian Negeri Pahang

Risalah Bank Pertanian Malaysia, Peranan Dan Perkhidmatan, Kuala Lumpur.